

**MENKAJI KESENIAN STRUKTUR BINAAN
DAN PENGURUSAN PERBADANAN MUZIUM
NEGERI KELANTAN DALAM MELESTARIKAN
MASJID KAMPUNG LAUT DI NILAM PURI
KELANTAN**

MUHAMMAD AZHAR BIN FADILAH

UNIVERSITI

MALAYSIA

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2021



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**MENKKAJI KESENIAN STRUKTUR BINAAN DAN
PENGURUSAN PERBADANAN MUZIUM NEGERI
KELANTAN DALAM MELESTARIKAN MASJID
KAMPUNG LAUT DI NILAM PURI KELANTAN**

Oleh

**MUHAMMAD AZHAR BIN FADILAH
C17A0124**

**Projek Penyelidikan Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi
Keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan
Kepujian**

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

<input type="checkbox"/>	TERBUKA	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
<input type="checkbox"/>	SEKATAN	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah. Dari tarikh _____ hingga _____
<input type="checkbox"/>	SULIT	(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
<input type="checkbox"/>	TERHAD	(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

Muhammad Azhar



Muhammad Azhar Bin Fadilah

Nama Penyelia Utama:

Nombor Kad Pengenalan:

Dr. Shahariah Norain Binti Shahrudin

970501-03-6229

Tarikh : 6/2/2021

Tarikh : 5/2/2021

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kekilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur kami kehadiran Illahi kerana dengan izinya dapat menyempurnakan tesis ini dengan jayanya walaupun banyak cabaran dan halangan yang terpaksa ditempuhi. Syukur juga diberikan kesihatan yang baik dan dipermudahkan segala urusan sepanjang menjalankan penyelidikan ini.

Dikeempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan tugas ini terutamanya kepada penyelia saya iaitu Dr. Shahariah Norain Binti Shaharuddin yang telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menyiapkan penyelidikan ini. Tunjuk ajar beliau amat membantu saya menyempurnakan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada institusi-institusi yang telah banyak membantu menyumbangkan bahan dan idea dalam menghasilkan tesis ini. Di antaranya ialah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Pensyarah Konservasi Warisan UMK dan pihak-pihak yang terlibat atas kerjasama dan bantuan yang diberikan semasa saya memerlukan maklumat berkaitan Masjid Kampung Laut di Kota Bharu, Kelantan.

Disamping itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang banyak memberi sokongan, dorongan dan moral bagi menyelesaikan tugas ini. Selain itu, turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha dalam menyempurnakan tesis ini dengan jayanya,

Ucapan ini juga ditujukan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas ini samada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang diberikan amatlah saya hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan semua tugas ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna

Sekian, terima kasih.

Mengkaji kesenian struktur binaan dan pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri Kelantan.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah mengenal pasti kesenian struktur binaan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri, mengenal pasti kaedah pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri dan mengenal pasti pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam menguruskan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri. Lokasi kajian yang dijalankan adalah di Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini berbentuk data kualitatif yang bersumberkan primer dan sekunder. Tiga kaedah yang diaplikasikan ke dalam kajian ini adalah kajian literature, pemerhatian dan temubual. Setelah itu, data yang diperoleh dianalisis bagi mencapai objektif kajian. Melalui kajian ini, penulis dapat merumuskan bahawa Masjid Kampung Laut di Nilam Puri merupakan kawasan baharu yang dipindahkan dari tempat lama iaitu di Kampung Laut, Tumpat Kelantan. Masjid tersebut telah diiktiraf oleh perbadanan muzium yang merupakan masjid tertua yang ada di negeri Kelantan. Dari segi pengurusan masjid ini memberi kesan positif terhadap penduduk masyarakat setempat dimana menunjukkan sikap keperihatinan oleh pihak permuziuman memelihara dan memelihara bangunan warisan seperti Masjid Kampung Laut ini. Dari situlah masyarakat dapat mengetahui dan menghayati sejarah lampau sesebuah masjid, nilai seninya, serta boleh menceritakan kembali kepada generasi yang akan datang tentang peri pentingnya institusi masjid ini kepada mereka.

Kata kunci : Kesenian struktur binaan, pengurusan, sejarah

KANDUNGAN**NO.SURAT**

	Deklarasi Kerja	I
	Perakuan Tesis	II
	Penghargaan	III
	Abstrak	IV
	Isi Kandungan	V
	Senarai Gambar	IX
	Senarai Jadual	X
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	3
	1.1.1 Sejarah Masjid Kampung Laut	7
	1.1.2 Perkembangan Masjid Kampung Laut	13
	1.2 Objektif Kajian	15
	1.3 Persoalan Kajian	15
	1.4 Pemasalahan Kajian	16
	1.5 Kepentingan Kajian	17
	1.6 Skop Kajian	18
	1.6.1 Lokasi Kajian	19
	1.7 Kesimpulan	20
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	
	2.0 Pengenalan	21
	2.1 Definisi	21
	2.1.1 Definisi Masjid	21

2.1.2	Definisi Warisan	23
2.2	Pengertian Kesenian	24
2.3	Ciri-ciri Senibina Islam	25
2.4	Pengurusan Kewangan	27
2.5	Pengurusan Sumber Manusia	28
2.6	Pengurusan Aktiviti Promosi	29
2.7	Pendekatan Kajian	30
2.7.1	Fungsi-Fungsi Pengurusan	30
2.8	Kesimpulan	34
BAB 3	METODOLOGI	
3.0	Pengenalan	35
3.1	Kaedah Kajian	36
3.2.1	Kualitatif	37
3.2.2	Pemerhatian	38
3.2.3	Temubual	39
3.2	Informan Kajian	39
3.3	Instrumen Kajian	40
3.3.1	Perakam Suara	41
3.3.2	Telefon	41
3.3.3	Kamera	42
3.3.4	Alatan Lain	42
3.4	Jangkaan Dapatan Kajian	43
3.5	Kesimpulan	44

BAB 4**DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	45
4.1	Transkrip Soalan Pertanyaan dan Jawapan Informan	47
4.2	Kesenian Struktur Binaan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri Kota Bharu Kelantan	55
	4.2.1 Seni bina Masjid Kampung Laut	55
	4.2.2 Bumbung	56
	4.2.3 Atap	57
	4.2.4 Serambi	58
	4.2.5 Ruang Solat	59
	4.2.6 Wakaf Orang Kaya	60
	4.2.7 Loteng	61
	4.2.8 Balai Lintang	62
	4.2.9 Menara	63
	4.2.10 Mimbar	64
	4.2.11 Geduk/Beduk	65
4.3	Pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam pengurusan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri	66

	4.3.1 Semakan 5 Fungsi Pengurusan	66
	4.4 Kaedah Pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri	72
	4.4.1 Kaedah Pengurusan	72
	4.4 Kesimpulan	79
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
	5.0 Pengenalan	80
	5.1 Rumusan dan Ringkasan Keseluruhan Kajian	81
	5.2 Cadangan	82
	5.2.1 Cadangan Kepada Pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	83
	5.2.2 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	84
	5.3 Penutup	85
	RUJUKAN	86
	LAMPIRAN	91

SENARAI GAMBAR

NO SURAT	MUKA
1.1 Masjid Kampung Laut di Nilam Puri	4
1.2 Lokasi Kampung Laut Dan Lokasi Asal Masjid Kampung Laut	5
1.3 Struktur Asal Masjid Kampung Laut Pandangan Sisi	9
1.4 Struktur Asal Masjid Kampung Laut Pandangan Atas	9
1.5 Semasa Banjir Di Masjid Kampung Laut Pada Tahun 1966	10
1.6 Selepas Banjir Di Masjid Kampung Laut Tahun 1966	11
1.7 Masjid Kampung Laut Berpindah Di Nilam Puri	12
1.8 Lokasi Kajian	19
4.1 Seni Bina Di Dalam Masjid Kampung Laut	55
4.2 Kedudukan Bumbung	56
4.3 Atap Senggora	57
4.4 Kedudukan Serambi Di Masjid Kampung Laut	58
4.5 Ruangan Solat Masjid Kampung Laut	59
4.6 Ruangan Wakaf Orang Kaya	60
4.7 Kedudukan Loteng	61
4.8 Kedudukan Balai Lintang	62
4.9 Kedudukan Menara	63
4.10 Mimbar Masjid Kampung Laut	64
4.11 Geduk Masjid Kampung Laut	65

SENARAI JADUAL

NO SURAT		MUKA
2.1	Empat Pengurusan Organisasi Sumber: Buku Pengurusan Organisasi	30
2.2	Proses pengorganisasian	32
2.3	Kepimpinan Dalam Organisasi	33
3.1	Objektif Kajian dan Kaedah Kajian	36
3.2	Kaedah Kajian	37
3.3	Instrument Kajian	40
4.1	Komponen reka bentuk kerja (<i>working design</i>)	46
4.3	Pengurusan Perancangan	66
4.4	Pengurusan Pengorganisasian	68
4.5	Pengurusan Kepimpinan	69
4.6	Pengurusan Kawalan	70
4.7	Kaedah Pengurusan	72

BAB I

PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tentang pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan skop kajian.

1.0 PENGENALAN

Masjid merupakan sebuah institusi yang sangat penting dalam pembangunan Islam dan kepada masyarakat beragama Islam. Rasulullah S.A.W. telah melakukan satu perkara iaitu membina sebuah masjid selepas beliau telah berhijrah dari Makkah ke Madinah dan masjid tersebut dikenali sebagai Masjid Quba. Oleh itu, masjid tersebut telah menjadi tempat untuk umat Islam menunaikan solat berjemaah, pusat pengajian agama, dan tempat untuk menyebarkan dakwah. Masjid merupakan tempat yang mulia dalam Islam kerana mempunyai fungsi utama sebagai tempat ibadat. Masjid juga dilihat sebagai pusat utama bagi masyarakat Islam di seluruh dunia mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh sebagai proses untuk kemantapan akidah seseorang Muslim.

Secara etimologi masjid berarti tempat beribadah (*Ab Halim Tamuri (2000)*). Masjid didefinisikan sebagai bangunan yang digunakan untuk tujuan menunaikan solat, beriktikaf dan segala tujuan yang bersifat ibadat. Masjid merupakan tempat suci bagi umat Islam. Masjid juga dikenali sebagai "Rumah Allah" dan merupakan tempat umat Islam beribadat. Umat Islam dapat berkumpul di masjid untuk beribadat secara berjemaah dan sucikan jiwa apabila berada di masjid.

Menurut (*Ab Halim Tamuri (2000)*) menyatakan bahawa Rasulullah S.A.W bukan sahaja menjadikan masjid sebagai pusat ibadah, akan tetapi masjid juga sebagai pusat pendidikan, pusat pentadbiran, pusat ekonomi dan pusat perundangan. Justeru, jelaslah bahawa institusi masjid memainkan peranan yang penting pada zaman Rasulullah kerana ianya bukan sahaja tempat untuk beribadat malah mempunyai peranan yang meluas dan meliputi aspek lahiriah dan rohaniah bagi masyarakat ketika itu.

Namun begitu, masyarakat di Malaysia hanya melihat masjid sebagai pusat ibadah dan pusat keagamaan. Realitinya, hanya pada bulan Ramadhan sahaja masjid dipenuhi oleh umat Islam bagi mengerjakan ibadah solat terawih. Di dalam kajian Abdul (dipetik di dalam Hydzulkifli H.O., et. al., 2016) pengurusan masjid tidak boleh terhadkan kepada tempat untuk ibadah sahaja tetapi diperluas untuk tempat sosial, pusat politik dan juga pusat ekonomi. Contoh aktiviti masjid yang sering dijalankan di masjid ialah kuliah agama, ibadah qurban ketika Hari Raya Aidiladha, majlis khatan beramai-ramai, kelas mengaji Al-Quran dan sebagainya. Jawatankuasa masjid memainkan peranan yang penting untuk mengimarahkan masjid supaya sentiasa meriah dan dipenuhi oleh umat Islam dan aktiviti diperluaskan lagi meliputi pelbagai aspek. Aktiviti di masjid perlu dipelbagaikan supaya dapat menarik minat orang ramai dan merangkumi pelbagai lapisan masyarakat seperti pelajar sekolah, masyarakat tempatan dan sebagainya.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut *Imriyanti (2013)* masjid merupakan tempat untuk menunaikan ibadah kepada Allah SWT dan tempat untuk menyebarkan dakwah. Sejak dahulu lagi, masjid menjadi pusat kepada aktiviti keagamaan Islam yang mula tersebar di negara Malaysia, misalnya yang dilakukan oleh para pemerintah besar Melaka iaitu Sultan Muhammad Syah yang telah menggalakkan rakyatnya memberikan perhatian khusus dalam amalan agama. Menurut Mohd. Roslan dan Wan Mohd. Tarmizi (2011) keadaan ini terbukti apabila Sultan Muhammad Syah pada bulan Ramadhan, baginda bersama dengan rakyat jelata telah menjalankan dan menunaikan sembahyang Terawih di masjid.

Disamping itu, masyarakat sekarang melihat masjid ini sebagai tempat untuk umat Islam menunaikan ibadah khusus sahaja. Oleh itu, masyarakat perlu faham konsep sesebuah masjid supaya masyarakat menyedari betapa pentingnya masjid dalam membangunkan ummah. Selain itu, umat Islam hendaklah memantapkan sesebuah masjid untuk membangunkan ummah dan masjid ini tidak dapat terpisah kerana saling memerlukan antara satu sama lain. Bagi memastikan kelestarian masjid Kampung Laut ini, maka pengurusan yang teratur dituntut baik dari aspek pengurusan kewangan, pengurusan dan pengekalan senibina, pengurusan pelancongan, aktiviti dan pengurusan yang lain.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menjadikan Kampung Laut sebagai satu kawasan pilihan kajian kerana melalui sejarah terdapat satu masjid yang telah lama dibina di kawasan ini dan menjadi titik tolak kepada perkembangan Islam di Kelantan. Kampung Laut merupakan antara kampung yang didiami oleh

orang Melayu tradisional dan merupakan kampung yang tertua di negeri Kelantan yang terletak di tepi barat sungai Kelantan dan sejauh 3.5 kilometer melalui jalan sungai dan 15 kilometer mengikuti jalan darat untuk sampai ke Kota Bharu. Kampung Laut merupakan kampung yang berada di daerah Sungai Panjang di jajahan Tumpat. Di samping itu, Kampung Laut terletak di tepi sungai dan mempunyai sempadan antara kampung-kampung lain iaitu Kampung Kok Kenali, Kampung Sungai Pinang, Kampung Chat dan Kampung Palekbang (Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi 2009).




(Sumber : Internet)

<https://www.google.com/search?q=masjid+kampung+laut>

Gambar 1.1: Masjid Kampung Laut di Nilam Puri

Kampung Laut juga, dikenali ramai kerana terbinanya sebuah masjid yang telah dibina oleh para ulama dari Champa dan bersama orang kampung untuk menyiapkan sebuah masjid yang diberi nama iaitu Masjid Tua Kampung Laut. Kini masjid tersebut dikenali sebagai Masjid Kampung Laut selepas dipindahkan ke Nilai Puri. Kampung Laut mempunyai tiga pecahan iaitu Kampung Laut Hilir, Kampung Laut Hulu dan Kampung Laut Tengah.



(Sumber : Daripada Internet)

<https://www.google.com/maps/@6.1589537,102.2282437,779m/data=!3m1!1e>

3

Gambar 1.2: Lokasi Kampung Laut Dan Lokasi Asal Majid Kampung Laut

Dalam kajian ini, pengkaji ingin melakukan kajian terhadap Masjid Kampung Laut ini yang mana mempunyai nilai sejarah daripada aspek pengurusan, seni bina dan budaya yang tersendiri. Pengkaji telah melakukan tinjauan awal dengan mengunjungi awal pada awal tahun 2020 ke Masjid Kampung Laut yang terletak di negeri Kelantan ini. Menurut Arkib Negara, masjid ini merupakan masjid yang tertua di Asia Tenggara dan dahulunya masjid ini berada di Kampung Laut, Tumpat Kelantan dan kini masjid ini telah berjaya dipindahkan sehingga kini di Pusat Pengajian Islam di Nilam Puri. Selain itu, secara amnya menurut Arkib Negara masjid ini dibina tanpa menggunakan apa-apa paku dalam binaannya dahulu disamping menjadi pusat permulaan kepada penyebaran agama Islam ini sendiri di Kelantan. Menurut Utusan Malaysia, Arkib Negara Malaysia kini telah mengiktiraf masjid ini sebagai masjid tertua di Asia Tenggara kerana masjid ini telah dibina sejak abad ke-18 dan pembinaan semula masjid ini di Nilam Puri telah dijalankan pada November 1968 dan siap sepenuhnya sehingga November 1969.

Kajian ini akan memperlihatkan dengan lebih mendalam terhadap pengurusan sebuah masjid tertua dan bersejarah iaitu Masjid Kampung Laut di Nilam Puri. Masjid Kampung Laut merupakan masjid tertua yang dibina di Kampung Laut dengan menggunakan kayu oleh orang Champa dan dibantu oleh masyarakat kampung. Pembinaan masjid ini juga sangat unik kerana dibina tanpa menggunakan paku dan masih kukuh berdiri sehingga kini. Namun, untuk menjaga dan mengekalkan warisan tertua ini memerlukan pengurusan yang terbaik dan berkualiti agar masjid Kampung Laut ini terus menjadi sebuah tinggalan sejarah, warisan dan seterusnya menjadi sebuah pusat ibadah yang perlu dijaga kerana masjid ini mempunyai seni bina yang unik dan tertua daripada masjid-masjid lain.

1.1.1 SEJARAH MASJID KAMPUNG LAUT

Ulama Champa menaiki kapal untuk ke Tanah Jawa mereka melalui perairan kuala negeri Kelantan. Semasa memasuki perairan kuala negeri Kelantan mereka mempunyai masalah besar iaitu kapal yang dinaiki telah bocor dan mereka telah bernazar semasa kejadian tersebut dengan menyatakan jikalau mereka dapat sampai kedaratan sungai negeri Kelantan mereka akan membina sebuah masjid di kawasa mereka berlabuh. Kapal ulama Champa telah berlabuh di sungai Kampung Laut dan mereka menunaikan janji untuk membina sebuah masjid sambil memperbaiki kapal mereka yang bocor di Kampung Laut tersebut (Abdul Halim Al- Ahmadi 1990).

Menurut Salleh Mohd Akib (2003) Masjid Kampung Laut telah dibina oleh ulama Champa di kawasan tepi sugai Kampung Laut dan dibantu oleh masyarakat kampung tersebut. Justeru itu, ulama Champa ingin menunaikan hajat mereka untuk membina sebuah masjid tetapi mereka tidak cukup kelengkapan untuk membina sebuah masjid yang besar dan masyarakat Kampung Laut juga tidak mempunyai kelengkapan. Mereka terpaksa menunaikan janji mereka untuk meneruskan pembinaan masjid tersebut walaupun mereka membina masjid yang sederhana di Kampung Laut.

Masjid tersebut telah disiapkan oleh ulama Champa bersama masyarakat Kampung Laut dan menjadi kemegahan penduduk Kampung Laut. Oleh itu, masjid tersebut dinamakan Masjid Kampung Laut kerana masjid itu dibina di Kampung Laut dan ulama Champa telah diterima oleh masyarakat kampung tersebut kerana mereka telah membina masjid di kampung tersebut (Abdul Halim Al- Ahmadi 1990). Ulama Champa memperbaiki kapal mereka yang rosak itu sehingga mereka dapat berlayar semula ke Tanah Jawa.


Penduduk Kampung Laut yang semakin ramai yang menyebabkan Masjid Kampung Laut terpaksa menampung penduduk untuk menunaikan

solat di masjid tersebut. Oleh itu, penduduk kampung telah memperbaiki masjid tersebut dengan memperbesarkan lagi keluasan Masjid Kampung Laut supaya dapat menampung penduduk kampung. Keluasan Masjid Kampung Laut semakin luas sebesar 12 x 15 meter dapat menampung semua penduduk untuk menunaikan solat di masjid tersebut (Salleh Mohd Akib 2003). Penduduk kampung membaikpulih masjid dan mereka telah menukar kayu lama dengan menggunakan kayu cengal yang keras dan tahan lama. Menurut Abdul Halim Nasir (1995) pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad I, Masjid Kampung Laut telah diperbesarkan lagi supaya dapat menampung lebih ramai lagi penduduk di dalam masjid tersebut. Masjid Kampung Laut dibaikpulih dan dibesarkan lagi sehingga zaman pemerintahan Sultan Muhammad II pada tahun 1859 hingga 1886.

Masjid Kampung Laut merupakan masjid yang tertua di negeri Kelantan, Menurut Mubin Sheppard (1970) yang dihuraikan oleh Abdul Halim Nasir (1979) menyatakan bahawa Masjid Kampung Laut ini berusia 233 tahun tetapi penduduk Kampung Laut mengatakan bahawa masjid ini telah berusia lebih 300 tahun. Oleh itu, Masjid Kampung Laut merupakan masjid yang dibina oleh ulama dari Champa dan dibantu oleh penduduk Kampung Laut. Menurutnya lagi, Masjid Kampung Laut dibagunkan pada abad Ke-16 dan masjid ini juga dianggarkan diperbuat daripada kayu yang tertua di tanah melayu mungkin di Nusantara.


Masjid Kampung Laut asalnya dibina secara kecil dan ringkas seperti wakaf kecil sahaja kerana masjid tersebut dibina bertiangkan empat batang sahaja dan beratap rumbia. Selain itu, tiang yang dibina untuk membuat Masjid Kampung Laut dipanggil tiang sari dan lantai masjid tersebut diperbuat daripada batang nibong. Oleh itu, Masjid Kampung Laut mempunyai keluasan 6 x 6 meter dan dindingnya pula diperbuat daripada kulit kayu. Pembinaan

masjid tersebut memerlukan kayu yang banyak dan semasa pembinaan tersebut kayu tidak mencukupi dan mereka terpaksa menggunakan buluh sebagai lantai dan dinding di sebahagian kawasan supaya tertutup (Salleh Mohd Akib 2003).




Sumber: Abdul Halim Nasir (1995)

Gambar 1.3: Struktur Asal Masjid Kampung Laut Pandangan Sisi



Sumber: Abdul Halim Nasir (1995)

Gambar 1.4: Struktur Asal Masjid Kampung Laut Pandangan Atas



Sumber: Internet

https://www.google.com/search?q=masjid+kampung+laut&source=lnms&tbn=isch&sa=X&ved=0ahUKEwi4qbzY6JHfAhVBVH0KHd51BFAQ_AUIDigB&biw=1366&bih=657#imgrc=SjhhUxVySZ92hM:

Gambar 1.5: Semasa Banjir Di Masjid Kampung Laut Pada Tahun
1966

Kelantan merupakan negeri yang terkenal dengan musim tengkujuh dan banjir kilat setiap tahun. Hujan yang lebat akan menyebabkan berlakunya banjir dan akan menjejaskan tebing-tebing sungai yang menyebabkan tanah runtuh dan kemusnahan bangunan yang berada di tebing sungai. Oleh itu, Masjid Kampung laut telah mengalami banjir besar telah memberi kesan yang buruk pada masjid tersebut dan menyebabkan berlakunya kerosakkan masjid. Pada tahun 1966, banjir telah berlaku di negeri Kelantan dan Masjid Kampung Laut telah ditenggelami air sehingga paras atap masjid (Abdul Halim Nasir 1995).



Sumber: Abdul Halim Nasir

Gambar 1.6: Selepas Banjir Di Masjid Kampung Laut Tahun 1966

Menurut Salleh Mohd Akib (2003), selepas banjir, tapak yang dibina Masjid Kampung Laut telah dihayutkan dan sebahagian kaki lima yang dibina telah roboh akibat banjir besar. Seterusnya, dinding dan tiang tidak menjadi seperti asal kerana air terlalu deras dan menyebabkan dinding dan tiang menjadi senget. Selain itu, Masjid Kampung Laut telah ditutup sementara kerana masjid tidak dapat digunakan lagi disebabkan berbahaya dan masjid baru telah dibina berjauhan dengan tebing sungai.



Sumber: Internet

https://www.google.com/search?q=masjid+kampung+laut&source=lnms&tbn=isch&sa=X&ved=0ahUKEwi4qbzY6JHfAhVBVH0KHd51BFAQ_AUIDigB&biw=1366&bih=657#imgrc=SjhhUxVySZ92hM:

Gambar 1.7: Masjid Kampung Laut Berpindah Di Nilam Puri

Masjid Kampung Laut telah diluluskan oleh kerajaan negeri Kelantan untuk memindahkan masjid tersebut. Masjid Kampung Laut telah dipindahkan lihan dan dibina semula dan ke tempat yang baru. Oleh itu, Masjid Kampung Laut dibaikpulih supaya masjid kelihatan seperti bentuk asal. Masjid ini juga ditempatkan di Nilam Puri yang terletak di Kota Bharu. Pada 30 Oktober 1968 secara rasminya Masjid Kampung Laut di pindahkan dan diuruskan oleh persatuan sejarah Malaysia (*Abdul Halim Nasir 1995*).

Pada 3 November 1968 Masjid Kampung Laut telah dipindahkan tepat ke Nilam Puri berdekatan dengan kampus Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya menurut *Salleh Mohd Akib (2003)*,. Seterusnya, Masjid Kampung Laut telah digunakan oleh mahasiswa yang belajar di Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya untuk mereka menunaikan solat. Masjid Kampung Laut yang dibaikpulih telah dibina semula dengan bentuk asal dan masjid tersebut dapat dikekalkan senibinanya yang asal dari dulu sehingga sekarang.

Selain itu, keistimewaan Masjid Kampung Laut ini telah menjadi tarikan orang ramai kerana senibina masjid ini sangat unik. Masjid ini telah dibina tanpa menggunakan paku dengan jumlah yang banyak dan hanya digunakan pada tempat yang tertentu sahaja. Oleh itu, bangunan yang tidak berpaku juga mampu bertahan lebih lama kerana Masjid Kampung Laut menggunakan kayu yang sangat berkualiti dan boleh bertahan lama iaitu kayu cengal.

1.1.2 PERKEMBANGAN MASJID KAMPUNG LAUT

Masjid merupakan senibina Islam yang bermula pada zaman dahulu lagi iaitu waktu zaman Rasulullah S.A.W. lagi dan dibina bertujuan bagi menunaikan ibadat wajib bagi umat Islam. Oleh tu, pembinaan masjid juga mempunyai pelbagai fungsi yang memberikan kesejahteraan kepada umat Islam di samping dapat menyatupadukan antara satu sama lain. Perkembangan islam di seluruh dunia menyebabkan kewujudan masjid-masjid semakin banyak dan pengarus agama Islam semakin meluas. Di samping itu, kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah berkembang melalui perdagangan dan secara langsungnya penduduk tempatan dapat menerima ajaran Islam. Justeru itu, dengan perdagangan tersebut penduduk tempatan dapat

menjalinkan hubungan mesra antara pedagang menyebabkan mereka mudah menerima ajaran Islam tersebut (Mohd Jamil Mukmin 1992).

Peranan yang penting dimainkan oleh pedagang supaya dapat diterima oleh penduduk tempatan dan menunjukkan sikap terbuka oleh pendakwah untuk menyebarkan agama Islam, supaya penduduk tempatan percaya dan dapat menerima ajaran tersebut (Mohammad Redzuan Othman 2005). Penyebaran agama Islam semakin berkembang dan pedagang telah membina masjid di Tanah Melayu bagi mengembangkan lagi agama Islam. Oleh itu, pembinaan masjid di merata tempat menyebabkan penyebaran agama Islam semakin cepat tersebar dengan pelbagai cara, sebagai contoh aktiviti yang dijalankan melalui pendidikan agama yang dijalankan di masjid-masjid yang telah dibina.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat kajian ini untuk mengkaji berkaitan Pengurusan Masjid Kampung Laut Di Nilam Puri Negeri Kelantan. Bagi mencapai matlamat objektif kajian, terdapat dua objektif telah digariskan iaitu:

- a) Mengetahui mengenai seni bina Masjid Kampung Laut di Nilam Puri.
- a) Mengetahui mengenai pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam menguruskan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri.
- b) Mengetahui kaedah pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang akan dijalankan terdapat persoalan yang akan dikemukakan untuk menyempurnakan kajian dan mendapatkan data kajian iaitu:

- a) Apakah seni bina yang terdapat pada Masjid Kampung Laut?
- a) Apakah sistem-sistem yang ada pada pihak pengurusan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri?
- b) Bagaimana institusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menguruskan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri?

1.4 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian yang terdapat dalam kajian ini antaranya, permasalahan kajian dalam kajian diperolehi melalui kajian awalan yang dilakukan oleh pengkaji di mana pengkaji **mendapati bahawa kurang pendedahan maklumat terhadap kesenian struktur binaan yang terdapat pada bangunan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri**. Hal ini kerana, Masjid Kampung Laut merupakan masjid tertua yang ada di negeri Kelantan dimana dapat dilihat mempunyai kesenian warisan yang diterapkan oleh masyarakat terdahulu dalam segi bahan binaan dan seni bina yang ada pada masjid tersebut. Kesenian Masjid Kampung Laut sangat penting dan perlu diberi pendedahan kepada masyarakat agar dapat melihat keagungan seni bina masyarakat terdahulu dan perlu dijaga untuk tatapan generasi akan datang.

Selain itu, melalui kajian awalan yang dilakukan oleh pengkaji juga mendapati bahawa **mendapati kurang pendedahan maklumat terhadap kaedah yang digunakan dalam menguruskan warisan kesenian Masjid Kampung Laut di Nilai Puri**. Masjid tersebut asalnya terletak di Kampung Laut Wakaf Baharu yang telah dipindahkan ke Nilai Puri disebabkan faktor kawasan kampung laut yang kerap banjir untuk menyelamatkan bangunan warisan Kelantan ke kawasan yang lebih selamat dan terpelihara.

Seterusnya, pengkaji juga mendapati bahawa **kaedah yang digunakan oleh pihak pengurusan iaitu Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan struktur seni bina dan kesenian yang ada pada masjid ini kurang dilaksanakan**. Hal ini kerana, pengkaji melihat keadaan masjid yang tidak terurus seolah tidak diendahkan oleh pihak pengurusan tentang pemuliharaan dan pemeliharaan Masjid Kampung Laut.

Oleh itu, Masjid Kampung Laut ini difahamkan telah dipindahkan dari kawasan perkampungan ke kawasan bandar iaitu di Nalam Puri (Abdul Halim Nasir 1995). Proses pengurusan yang rumit dan penjagaan yang rapi diperlukan oleh pihak pengurusan terhadap masjid ini (Salleh Mohd Akib 2003). Disamping itu, pengkaji akan mendokumentasikan cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan masjid ini di Nilam Puri.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilihat amat penting kepada pengkaji sendiri untuk menambah maklumat berkaitan kesenian serta pengurusan masjid dan pengkaji lain yang akan mengkaji masjid tersebut.

Kajian ini dapat memberi kepentingan kepada pihak pengurusan masjid kerana kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan bagi memperbaiki kelemahan dan kekurangan yang wujud pada bahagian pengurusan masjid ini khususnya dalam aspek kesenian warisan.

Selain itu, melalui kajian ini pengkaji baru akan lebih tahu pengurusan masjid ini kerana mereka telah didedahkan dengan maklumat mengenai pengurusan masjid ini dan dapat dijadikan sumber rujukan.

MALAYSIA

KELANTAN

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian merupakan perkara yang menjadi fokus sesebuah kajian. Dalam kajian ini pengkaji memfokuskan pihak pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan kerana mereka merupakan organisasi pentadbiran yang berperanan dalam mengurus, memelihara, memulihara dan melindungi kesenian seni bina Masjid Kampung Laut ini. Kajian ini dijalankan di Nilam Puri berikutan kedudukan masjid ini yang telah dipindahkan dari kawasan Kampung Laut ke kawasan ini. Oleh itu, bahagian pengurusan masjid ini sangat penting dalam proses penjagaan kesenian masjid tersebut.

Kakitangan pihak pengurusan muzium dan pihak pengurusan masjid ini akan terlibat untuk membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian ini dan mendapatkan data yang tepat berkenaan kajian ini. Pengkaji akan ke kawasan kajian ini untuk melihat sendiri struktur binaan dan kesenian Masjid Kampung Laut di Nilam Puri ini

1.6.1 LOKASI KAJIAN

Masjid Kampung Laut terletak di jalan untuk menuju ke Kuala Krai. Masjid Kampung Laut ini juga berada di berhampiran jalan raya dan berhadapan dengan Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya. Oleh itu, Masjid Kampung Laut juga mempunyai pejabat Polis Nilam Puri yang berada di sebelah kanan berdekatan Masjid Kampung Laut dan Yayasan Islam Kelantan juga berada di berdekatan Masjid Kampung Laut iaitu di sebelah belakang masjid. Bagi pengunjung yang ingin melihat Masjid Kampung Laut di Nilam Puri, perjalanan ke lokasi tersebut dari bandar Kota Bharu ke Nilam Puri sejauh 16.4 km dan mengambil masa selama 28 minit.



Sumber: Google Maps

<https://www.google.com/maps/place/Masjid+Kampung+Laut/@6.026489,102.2415117,17.25z/data=!4m5!3m4!1s0x31b6a4ba51a7ec25:0x385894774b527468!8m2!3d6.0272887!4d102.2411259>

Gambar 1.8: Lokasi Kajian

1.7 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pengkaji menjelaskan secara umum dalam bab ini kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji. Pengkaji juga membuat perancangan dan strategi untuk menunjukkan hala tuju kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji juga telah menjelaskan mengenai objektif, permasalahan, persoalan, kepentingan dan skop untuk pengkaji menjalankan kajian. Maka dengan ini, pengkaji akan menjalankan kajian mengikut apa yang telah dirancang oleh pengkaji dan mencapai objektif kajian dan mengikut skop kajian yang ditetapkan oleh pengkaji.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 PENDAHULUAN

Dalam pengkajian ini, pengkaji menerangkan tentang sorotan kesusasteraan dan pengkaji meninjau beberapa pandangan kajian lalu. Oleh itu, sorotan kesusasteraan sangat penting kerana pengkaji akan menjadikan sorotan kesusasteraan ini dahulu sebagai bukti yang kukuh bahawa tiada pengkaji lagi yang mengkaji tajuk kajian ini. Selain itu, sorotan kesusasteraan ini diguna pakai oleh pengkaji untuk mendapat pandangan dari kajian-kajian lepas dan diguna pakai sebagai panduan kajian. Dalam kajian ini terdapat beberapa jurnal dan buku telah dipilih untuk menjadikan sebagai rujukan dan sokongan kepada kajian yang dijalankan. Sebelum membuat kajian lapangan pengkaji akan mengumpul data-data secukupnya terlebih dahulu untuk dijadikan rujukan semasa kajian lapangan.

2.1 DEFINISI

2.1.1 DEFINISI MASJID

Masjid menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi ke empat masjid ialah bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah yang lain. Istilah masjid berasal dari Bahasa Arab yang dipetik daripada perkataan “sajada, yasjudu, sajdan”. Perkataan iaitu sajada bermaksud bersujud, merendah, cenderung, dan patuh dengan hormat. Selain itu, jika ianya merujuk kepada tempat maka ianya menjadi “masjidun” yang bermaksud seperti tempat bersujud menyembah Allah SWT. Masjid juga merujuk kepada tempat atau sesebuah bangunan khas untuk masyarakat Islam untuk menunaikan

solat, bersujud menyembah Allah SWT. Oleh itu, perkara yang pertama yang telah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. selepas beliau berhijrah dari Makkah ke Madinah dan telah membina sebuah masjid yang diberi nama Masjid Quba. Masjid Quba telah dijadikan tempat untuk umat Islam menyebarkan dakwah dan tempat untuk menunaikan solat bagi masyarakat yang beragama Islam.

Dalam al-Quran sendiri telah menyebut sebanyak 28 kali perkataan masjid. Jumlah ini menunjukkan masjid mempunyai fungsi utama dalam masyarakat sehingga kini. Dalam al-Quran, masjid telah dinyatakan sebanyak dua sebutan iaitu “masjid”, suatu sebutan langsung yang merujuk kepada pengertian tempat beribadat umat Islam yang sepadan dengan sebutan tempat-tempat beribadat sama seperti agama-agama lain. Kedua, “bayt” yang juga merujuk kepada dua maksud, pertama tempat tinggal sepertimana rumah bagi manusia atau sarang untuk binatang dan kedua “bayt Allah”. Pada dasarnya, sebuah hadis yang telah diriwayatkan oleh Muslim menyebutkan, bahawa:

“Kepada Jabir Abdullaj Al-Ansary, Nabi menerangkan bahwa bumi ini bagiku suci bersih dan boleh dijadikan tempat untuk sembahyang, makan dimanapun seseorang berada bolehlah ia sembahyang apabila waktunya tiba”

Dalam al-Quran sendiri perkataan iaitu “masjid” ini telah dinyatakan dan ditulis sebanyak 28 kali. 15 kali di menyetuh tentang “Masjid Al-Haram”. Dalamnya berkait dengan ibadah solat yang dijalankan oleh seluruh umat Islam tidak kira dimana mereka berada, maka yang menjadi arah solatnya (qiblat) adalah sama iaitu masjid Al-haram atau Ka’bah (Q. S. Al-Baqarah, 2: 144, 149-150). Itulah sebabnya, maka seluruh bangunan masjid, harus mengarah ke Masjid Al-Haram. Dengan jumlah yang banyak “masjid” disebut di dalam al-Quran dan Hadis, menunjukkan bahawa masjid menjadi kedudukan utama dan strategik sebagai pusat ibadah umat Islam. Masjid tidak sekadar lambang dan

syiar terhadap kehidupan seharian masyarakat Islam malah masjid merupakan nadi dan pusat serta tumpuan kepada umat islam untuk beribadah.

2.1.3 DEFINISI WARISAN

Mempunyai banyak definisi yang telah diguna pakai untuk menerangkan maksud sebenar warisan ini. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat mendefinisikan warisan ini sebagai warisan yang telah diterima dan dipakai sejak dari dahulu sehingga sekarang oleh golongan masyarakat. Oleh itu, idea atau kreativiti yang telah dimiliki oleh masyarakat terdahulu mestilah diterima masyarakat secara keseluruhan

Melalui aspek perundangan yang melihat kepada Akta Harta Benda Purba, 1976 yang dinyatakan dalam Akta Warisan Kebangsaan, 2005 menjelaskan bahawa warisan seperti warisan kebangsaan, objek warisan, tapak warisan, dan objek warisan diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan (*Yuszaidy et. al., 2011*). Oleh itu, Maksud ini telah dinyatakan di alam Seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan 2005. Ini menjelaskan bahawa setiap material tidak kita hidup atau benda bukan hidup boleh menjadi sesuatu yang digelar warisan jika telah disahkan dan diisytiharkan sepenuhnya dalam sesebuah perundangan yang sah. Dalam Akta 179 Harta Benda Purba 1976, pula ada menyatakan warisan juga termasuklah apa yang ditinggalkan turun temurun sama ada ia buatan atau semula jadi yang alih atau tidak alih dan yang nampak atau tidak nampak. Warisan ini dimaksud apa jua hasil yang perbuatan terdahulu yang menjadi kegunaan masyarakat kini dan menjadi sebahagian alat kehidupan mereka dalam meneruskan kehidupan kini.

Warisan adalah berkaitan dengan sesuatu yang diwarisi secara turun-temurun oleh seseorang dan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi

yang terdahulu. Warisan menggambarkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa dan seterusnya melambangkan ketamadunannya. Menurut Saidatul Akmal Mohd, Azlinda Azman dan Jamalludin Sulaiman dalam buku Kelestarian Warisan Negara Untuk menyatakan bahawa warisan secara umumnya terbahagi kepada dua kategori iaitu warisan ketara dan warisan tak ketara. Warisan ketara adalah sesuatu yang kekal dilihat dan boleh dipegang sama ada statik atau mudah alih. Secara keseluruhannya warisan merupakan satu peninggalan yang ditinggalkan yang dibina melalui hasil tangan, falsafah, pemikiran, dan kreativiti oleh masyarakat terdahulu yang kekal sehingga kini.

2.2 PENGERTIAN KESENIAN

Seni merupakan suatu yang unit dan bersifat subjektif kerana seni mempunyai keunikan tersendiri. Oleh itu, seni ini menampilkan nilai-nilai yang sangat halus untuk ditafsir oleh akal fikiran melalui pacaindera dan ada juga menyatakan seni ini sesuatu yang indah, lembut, halus dan di ungkapkan dengan kata-kata atau senang di dengar. Disamping itu, kesenian ini merupakan segala ciptaan daripada manusia yang mengandungi segala unsur-unsur yang indah sehingga telah dirumuskan oleh *Ashcraft, M.H. (1994)* tentang kesederhanaan. Justeru itu, dinyatakan bersifat universal atau meluas dari hasil ciptaan yang menyenangkan (*Herianto dan Winarno 2014*). Justeru itu, bagi ahli sarjana sejarah dan tamadun mereka dapat melihat seni ini dari kelebihan dan pencapaian seseorang yang terdahulu dalam bidang kerohanian.

Oleh itu, dalam kesenian islam *Al-Faruqi, Ismail R, Lois Lamy al-Faruqi* mengatakan kesenian islam ini bukan hanya terhad untuk sesuatu benda sahaja malah merangkumi semua ciptaan yang dihasilkan dari kemahiran serta nilai estetika yang tinggi (*Mohd. Yusof Hashim 1992.*). Menurut

Islam sendiri seni dinyatakan sesuatu yang sangat indah dan halus. Dalam penghasilan karya seni menunjukkan Islam sangat menyanjung tinggi kerana sebarang hasil kerja seni yang memberi kebaikan dan faedah akan disanjung tinggi kepada masyarakat (*Azyumardi Azra. 1999*).

2.3 CIRI-CIRI DALAM SENI BINA ISLAM

Ciri-ciri dalam seni bina Islam ini terdapat beberapa jenis bangunan atau binaan Islam sama ada yang berbentuk sekular mahupun yang berbentuk keagamaan. Oleh itu, bangunan yang dibina berbentuk sekular menjadi salah satu bangunan yang terpenting kerana bangunan tersebut adalah bangunan istana diraja. Justeru itu, seni bina juga merujuk kepada sesuatu bidang seni yang berasaskan tamadun Islam yang bersifat agung kerana menghasilkan seni bina yang sangat berkualiti dan bersifat keagungan. Masjid pada asalnya mempunyai seni bina yang sangat biasa iaitu berbentuk segi empat sahaja, disebabkan perubahan masa dan waktu telah memberi kesan yang besar kepada seni bina masjid apabila berlaku perubahan mengikut situasi. Di samping itu, perubahan berlaku menyebabkan pelbagai jenis rupa bentuk masjid yang dibina kelihatan cantik kerana melahirkan seni sampingan terdiri daripada seni ukir, khat dan pahat (*Abdul Halim (1984)*).

Dalam seni bina Islam ciri-ciri berkitan luahan persaan, ketenangan, keamanan dan keheningan ialah pendapat daripada *Nasir, Abdul Halim (1984)* kerana ciri ini hendaklah wujud tanpa sebarang unsur yang bercanggah antara unsur kerohanian dengan duniawi dan akhirat. Oleh itu, seni bina Islam ini menekankan aspek kemasukan cahaya ke dalam bangunan kerana ciri-ciri ini diketegahkan dalam seni bina Islam. Ciri-ciri ini diketegahkan dalam Islam

kerana dapat memberi keselesaan dan ketenangan kepada umat islam untuk beramal ibadat.

Di samping itu, faktor-faktor yang ditekankan dalam seni bina islam kerana ianya berkaitan dengan hiasan luaran dan dalaman supaya kelihatan cantik pada dinding. Hiasan yang digunakan di dalam masjid ialah tulisan kaligrafi kerana tulisan ini kelihatan lebih harmoni (*Abdul Halim Nasir. 1985*). Kesenian islam sangat meluas kerana kesenian islam telah bermula dari timur hingga ke barat. Oleh itu, khalifa dan raja-raja sendiri menjadi orang penting untuk mendirikan masjid dengan lebih banyak disamping mendorong pembinaan yang berbentuk kesenian. Justeru itu, seni bina islam sangat berbeza di tempat-tempat lain tetapi terdapat juga persamaan dalam pembinaan. Dapat dilihat apabila wujudnya mihrab yang mengarah ke kiblat tempat iman, mimbar dan para makmum untuk tempat azan dan berkhotbah. Selain itu, dasar ini telah ditetapkan oleh Rasulullah dan semua masjid di seluruh dunia akan mengikut dasar tersebut (*Abdul Halim Nasir. 1985*).

“Seni bina masjid dengan jelas memperlihatkan adanya pengaruh kebudayaan setempat. Maka kerana itulah seni bina masjid, dalam sejarah perkembangan di seluruh dunia, memperlihatkan berbagai-bagai gaya hingga wujudnya bermacam-macam reka bentuk masjid, seperti masjid gaya Arab, gaya Arab-Sepanyol, gaya Parsi (Iran), gaya Turki Usmaniah, gaya India, gaya Cina, dan gaya Melayu-Nusantara.”

(*Abdul Halim Nasir, Seni Bina Masjid di Dunia Melayu-Nusantara: 21*)

Menurut *Abdul Halim Nasir (1995)* menyatakan bahawa seni bina masjid ini mempunyai pengaruh yang kuat melalui kebudayaan setempat. Oleh itu, seni bina masjid sangat berbeza kerana seni bina ini mengikut sejarah perkembangan dunia dan dapat dilihat dari segi reka bentuk masjid yang berbeza-beza dari segi seni binanya. Seterusnya, perkembangan masjid ini sentiasa berubah mengikut masa ke semasa kerana perkembangan masjid ini telah melibatkan gaya dan bentuk disebabkan manusia yang suka meniru dari segi seni bina.

2.4 PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan adalah penting kerana ia berkaitan dengan pemilihan, penilaian dan tafsiran data kewangan, bersama-sama dengan maklumat lain yang berkaitan, untuk membantu membuat keputusan dalam pelaburan dan kewangan. Tujuan sesebuah organisasi ditubuhkan adalah untuk mengeluarkan barangan atau perkhidmatan untuk mencapai matlamat organisasi tersebut sama ada untuk mendapatkan keuntungan mahupun untuk kebajikan ahli. Bagi mencapai maksud ini, pengurusan dalam organisasi perlu dibentuk dengan berdasarkan menggabungkan jalin sumber-sumber yang ada seperti sumber manusia, sumber fizikal dan sumber kewangan (*Mosley et al. 2008*)

Menurut *Ahmad Shahir M. & Adibah A.W. 2010* telah menyatakan bahawa masyarakat harus pandai dan bijak dalam menguruskan tentang masalah kewangan. Oleh itu, setiap individu atau kumpulan seharusnya membuat perancangan bajet dalam setiap bulan. Seterusnya, dengan adanya perancangan kewangan ini akan memudahkan kita untuk proses pengendalian wang pada setiap bulan atau tahunan. Menurut beliau juga telah mengatakan

setiap seseorang itu perlu berdisiplin dalam diri dan mempunyai pemikiran yang berprinsip dalam menguruskan sesuatu kewangan.

Menurut *Paramasivan C, dan Subramaniam T.(2014)* dalam buku *Financial Management*, menyatakan pengurusan kewangan adalah bahagian yang sangat penting dalam organisasi meliputi keseluruhan secara langsung yang berkait dengan pelbagai jabatan seperti pemasaran, kakitangan, dan pengeluaran. Oleh itu, pengurusan kewangan juga meliputi keseluruhan dengan pendekatan pelbagai dimensi iaitu antara skop penting di dalam pengurusan kewangan seperti pengurusan kewangan, pengurusan pengeluaran, pengurusan kewangan, pengurusan kewangan dan sumber manusia.

2.5 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pengurusan sumber manusia merupakan fungsi utama dalam sesuatu organisasi di mana dasar direka untuk mengatur kerja dan memaksimumkan prestasi pekerja bagi mencapai objektif organisasi, keberkesanan kos dan keuntungan. Oleh itu, bagi organisasi yang beroperasi di dalam persekitaran global ini yang dinamik dan mempunyai daya saing dianggap sebagai faktor penting untuk kejayaan. Selain itu, pengaruh sumber manusia juga mempunyai bentuk bagaimana sesebuah organisasi bekerja dalam membuat persembahan. Pengurusan sumber manusia yang berkesan sangat penting dalam melahirkan tingkah laku seseorang kerja yang positif di kalangan pekerja dan membawa kepada organisasi inovatif. Disamping itu, Cara organisasi menguruskan seseorang, terutamanya melalui amalan kerja mereka, didapati dapat memberi kesan yang sangat ketara bagi individu dan juga memberi kesan kepada prestasi organisasi (*Greenley, Gordan E. (1989)*).

Menurut *Asgar (1996)* dalam *Pengurusan Sumber Manusia (HRM)* mempunyai banyak cabaran dan memerlukan sumber manusia bertujuan untuk memahami tugas-tugas utama di dalam organisasi. Oleh itu, sumber manusia sangat penting dalam organisasi kerana kemahiran seseorang pekerja akan memudahkan pengagihan tugas dalam menguruskan pengurusan Masjid Kampung Laut.

2.6 PENGURUSAN AKTIVITI PROMOSI

Menurut *L.M. Jamieson (2008)* dalam buku yang bertajuk *Pengiklanan Dan Promosi Jualan*, telah menyatakan bahawa pengiklanan ini sangat penting dalam sesebuah organisasi yang meliputi konsep, kempen, penetapan, teknik persembahan, pembinaan strategi dan juga strategi media adalah penting dalam aktiviti promosi.

Oleh itu, menurut beliau juga telah mendefinisikan pengiklanan ini merupakan bentuk persembahan maklumat yang terkawal dan bukan berbentuk peribadi. Selain itu, mengenai keluaran dalam perkhidmatan ataupun berbentuk idea yang ditaja dari badan-badan yang terlibat mahupun dari pihak swasta atau pihak awam supaya dapat meyakinkan pihak tersebut melalui saiz sasaran pasaran.


MALAYSIA

KELANTAN

2.7 PENDEKATAN KAJIAN

2.7.1 FUNGSI-FUNGSI PENGURUSAN

Teori yang digunakan oleh pengkaji ialah teori pengurusan organisasi dan teori ini digunakan di dalam kajian ini berdasarkan daripada buku Pengurusan organisasi oleh *Hassan, R. (2000)*. Oleh itu, teori pengurusan organisasi yang diterapkan oleh *Alexander, K. (1996)* dan prinsip yang digariskan oleh *Peter Barret (1995)* mempunyai fungsi asas pengurusan ialah yang pertama Perancangan (Planning), Pengorganisasian (Organizing), Kepimpinan (Leading), dan juga Kawalan (Controlling).



Rajah 2.1: Empat Pengurusan Organisasi

Sumber: Buku Pengurusan Organisasi

i. Perancangan

Perancangan merupakan proses yang pertama, kerana perancangan merujuk kepada arah organisasi pada masa akan datang dan bagaimana cara untuk mencapai matlamat. Menurut *Fagarasanu, M and Kumar, S., (2002)*, perancangan ini mempunyai tiga tujuan iaitu menetapkan arah yang ingin dituju oleh setiap organisasi, mengenal pasti sumber yang diperlukan bagi mencapai matlamat dan membuat keputusan dalam aktiviti supaya matlamat tercapai. *Peter Barret (1995)* melihat perancangan adalah proses dalam menetapkan objektif dan menentukan perancangan yang akan dilakukan untuk mencapai objektif tersebut. Oleh itu, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan sebagai sebuah organisasi yang perlu bertanggungjawab dalam merancang sesuatu dengan teliti bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan untuk pengurusan Masjid Kampung Laut.

ii. Pengorganisasian

Menurut *Sopiah, (2008)* menyatakan bahawa dalam pengorganisasian mempunyai reka bentuk organisasi dan struktur organisasi yang sangat penting. Reka bentuk organisasi merupakan satu konsep yang mengurus struktur dan budaya bagi mengawal aktiviti bagi mencapai matlamat dalam organisasi. Oleh itu, struktur organisasi pula, sistem yang mengawal bagaimana manusia untuk berkomunikasi dan bekerjasama antara mereka di dalam organisasi. Pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menerapkan pengorganisaian ini dalam organisasi mereka iaitu pembahagian tugas yang berasingan kepada beberapa bahagian yang telah ditetapkan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Seterusnya, pengorganisasian ini sangat penting dalam menetapkan bidang kuasa serta tanggungjawab pekerja dalam usaha untuk ke arah pencapaian


matlamat organisasi. Secara umumnya proses pengorganisasian ini boleh dirujuk pada rajah 2.2.



Rajah 2.2: Proses pengorganisasian

iii. Kepimpinan

Kepimpinan sangat penting di dalam sesebuah organisasi kerana kuasa kepimpinan akan menggambarkan visi, kreativiti dan perubahan dalam sesebuah organisasi (*Sopiah, (2008)*). Oleh itu kepimpinan ini merujuk kepada pengaruh untuk memotivasikan pekerja di dalam organisasi bagi mencapai matlamat dan gaya kepimpinan ini juga merujuk kepada cara seorang pemimpin dalam mempengaruhi pekerjanya. Oleh itu, terdapat tiga jenis gaya kepimpinan seperti gaya autoratik, gaya demokratik dan gaya *'laissez-faire'*. Gaya kepimpinan yang digunakan oleh pihak Pemandaran Muzium Negeri Kelantan adalah berbeza kerana mengikut pemimpin di bahagian masing-masing.



Rajah 2.3: Kepimpinan Dalam Organisasi

iv. Kawalan

Kawalan adalah fungsi keempat di dalam proses pengurusan. Menurut *Aldridge dan Edith. (2005)* menyatakan bahawa kawalan merupakan proses mengukur kemajuan dalam prestasi dan memastikan ianya selari dan selaras dengan objektif pengurus. Oleh itu, kawalan adalah satu usaha sistematik yang berterusan dalam menetapkan piawai-piawai prestasi supaya selari dengan perancangan matlamat, rekabentuk sistem maklumbalas serta dapat mengukur keberkesanan pengawalan prestasi yang telah digunakan oleh pihak Perbandanan Muzium Negeri Kelantan. Kawalan ini juga merupakan proses memantau aktiviti supaya perancangan yang dirancang berjalan dengan betul, apabila kawalan tidak longgar akan berlakunya masalah disiplin pekerja dan matlamat yang dirancang oleh sesebuah organisasi tidak akan tercapai.

2.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian terdahulu merupakan perkara yang penting dalam proses pencarian maklumat bagi memperoleh sebanyak mungkin maklumat dalam proses projek penyelidikan ini. Setiap rujukan yang dirujuk oleh pengkaji mempunyai kelebihan tersendiri bagi pengkaji mendapatkan maklumat. Melalui kajian terdahulu ini juga anantara Langkah yang memerlukan ketelitian dan perhatian semasa proses pembacaan agar tidak ketinggalan sebarang maklumat yang penting. Dengan pembacaan ini, pengkaji akan menjadi lebih teliti terhadap kajian yang dilakukan di samping dapat menambah sesuatu atau input yang baru terhadap kajian berbanding dengan kajian-kajian sebelum ini. Hasil daripada pembacaan kajian terdahulu ini juga, dapat dilihat bahawa dalam mentadbir sesuatu syarikat mahupun agensi memerlukan system pengurusan yang stabil agar dapat bertahan dalam tempoh masa panjang. Di samping itu, terdapat banyak jenis dan fungsi-dalam sesebuah pengurusan. Dengan kajian-kajian lepas ini dapat meningkatkan lagi maklumat berkenaan pengurusan yang dapat dikaitkan dengan pengurusan muzium terhadap masjid bersejarah di Kampung Laut.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN


Terdapat dua kaedah pengkaji mengumpulkan data di dalam bab ini iaitu secara primer dan sekunder. Kaedah primer yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat tentang perkara yang akan dikaji iaitu secara kualitatif. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang dikaji berbentuk perkataan kerana pengkaji menggunakan kaedah temubual dan kaedah pemerhatian. Oleh itu, maklumat yang dapat dikumpulkan melalui kaedah ini adalah tepat dan sah kerana data yang diperoleh ini daripada sumber yang betul. Melalui kaedah pengumpulan data sekunder pula pengkaji mendapatkan data daripada pendekatan ilmiah di perpustakaan dan Pusat Khidmat Maklum dan Akademik (PKMA) iaitu melalui buku, artikel, jurnal, internet dan surat khabar berkaitan Majid Kampung Laut. Metodologi merupakan bahagian yang menerangkan reka bentuk kajian. Oleh itu, pengkaji telah mengkaji sedikit sebanyak tentang kajian yang akan dijalankan, terdapat beberapa kaedah yang dapat digunakan oleh pengkaji untuk kajian dijalankan.

3.1 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian merupakan cara bagi pengkaji mengumpul dan menganalisis data bagi melengkapkan sesuatu kajian yang dijalankan. Kaedah kajian terbahagi kepada dua iaitu kajian kualitatif dan kajian kuantitatif. Terdapat beberapa kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk menyelesaikan tugas yang dijalan. Oleh itu pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu pemerhatian, temubual, dokumentasi, dan informan kajian. Kaedah ini sangat membantu pengkaji dalam kajian ini dan memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang betul dan cepat tentang pengurusan Masjid Kampung Laut.

Bil.	Objektif Kajian	Kaedah Kajian
1	Mengenal pasti cabaran pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri	Pemerhatian Temubual
2	Mengenal pasti Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam cabaran pengurusan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri oleh Muzium Negeri Kelantan.	Pemerhatian Temubual
3	Mengkaji sejauhmana kepuasan penduduk setempat terhadap pengurusan ahli jawatankuasa pengurusan masjid.	Pemerhatian Temubual

Jadual 3.1: Objektif Kajian dan Kaedah Kajian



Rajah 3.2: Kaedah Kajian

3.1.1 Kualitatif

Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang lebih terperinci bagi mendapatkan sesuatu data atau maklumat. Kaedah ini merupakan kaedah yang lebih terperinci kerana lebih mengfokuskan kepada sesuatu dengan lebih mendalam dan terperinci. Dengan kaedah kualitatif ini, pengkaji perlu membuat kerja lapangan seperti membuat pemerhatian, tinjauan dan temu bual. Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang paling cepat untuk mendapatkan maklumat. Pengkaji akan membuat beberapa temu janji dengan pihak Masjid Kampung Laut dan pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan untuk mengemukakan pelbagai soalan yang berkaitan dengan kajian yang

dikaji kepada mereka. Oleh itu, kaedah ini adalah kaedah paling bagus untuk mendapatkan maklumat yang paling tepat dan padat mengikut objektif kajian yang ditetapkan. Kaedah temubual ini juga melibatkan proses pemerhatian dan dapat menganalisa tentang kajian tersebut.

3.1.2 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur maklumat penyelidikan. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik dan temuduga. Melalui pemerhatian, penyelidik dapat mengamati sesuatu tingkah laku subjek berpandukan maklumat-maklumat yang telah dikenal pasti. Peranan penyelidik ialah sebagai pemerhati terhadap perubahan-perubahan tingkah laku, mendengar, serta melihat tingkah laku subjek sama ada dari jauh atau dari dekat. Dalam kajian ini juga, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian kerana kaedah ini amat sesuai untuk menambahkan lagi maklumat tentang kajian. Kaedah ini sangat berkesan kerana pengkaji dapat melihat bagaimana pihak muzium dan pihak masjid menguruskan Masjid Kampung Laut. Pemerhatian ini juga, pengkaji dapat melihat bagaimana pengurusan penjagaan masjid yang dinilai sebagai asset warisan yang sangat penting perlu dijaga.

3.1.3 Temubual

Temu bual adalah satu perbualan antara dua orang atau lebih (penemu bual dan yang ditemu bual). Temu bual biasanya untuk memperolehi maklumat dari seseorang. Dalam kajian ini juga, pengkaji menggunakan kaedah temubual kerana kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat secara langsung daripada pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan pihak masjid. Kaedah temubual ini untuk mendapatkan maklumat yang terperinci lagi dan memudahkan pengkaji untuk menyempurnakan kajian yang dijalankan.


3.2 INFORMAN KAJIAN

Informan kajian merupakan temubual antara pengkaji dan individu yang dipilih untuk mendapatkan maklumat bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan di Masjid Kampung Laut. Informan yang dipilih oleh pengkaji untuk di temu bual adalah pihak pengurusan Perbandanan Muzium Negeri Kelantan dan pensyarah-pensyarah UMK yang mengetahui serba sedikit maklumat berkenaan Masjid Kampung Laut. Oleh itu, pengkaji akan menemubual beberapa lagi individu yang terlibat dalam pengurusan Masjid Kampung Laut yang berada berdekatan masjid tersebut.

MALAYSIA

KELANTAN

3.3 INSTRUMEN KAJIAN



Rajah 3.3: Instrument Kajian

Instrument kajian merupakan satu cara yang digunakan untuk menjalankan kajian dengan bantuan peralatan seperti kamera, buku catatan, telefon bimbit, pen dan computer riba. Oleh itu, alat kelengkapan yang digunakan semasa kajian dijalankan membantu pengkaji untuk merakam segala aktiviti dan perbualan dengan informan. Disamping itu, setiap perbualan antara informan harus dirakan dan dicatat kerana setiap patah perkataan yang dinyatakan oleh informan sangat penting dalam kajian yang dilajankan.

3.3.1 Perakam Suara

Pengkaji menggunakan perakam suara untuk membantu dalam proses temubual kerana perakam suara ini berfungsi sebagai media yang dapat merakam suara. Oleh itu, perakam suara ini sangat membantu pengkaji dalam mengumpul maklumat daripada informan kerana pengkaji dapat merakam semua maklumat yang diberikan oleh informan. Setiap percakapan yang diterangkan oleh informan adalah sangat penting kerana dapat membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian ini. Perakam suara ini sangat membantu pengkaji untuk mendengar semula temubual yang telah dijalankan dan pengkaji dapat mendengar berkali-kali jika pengkaji lupa mencatat dalam buku catatan

3.3.2 Telefon

Pengkaji menggunakan telefon semasa kajian dijalankan kerana telefon dapat membantu pengkaji untuk berhubung dengan informan untuk menjalankan temubual bersama pengkaji kerana telefon ini sangat mudah untuk pengkaji berurusan dengan informan. Pengkaji juga menggunakan telefon untuk mengambil gambar untuk menjadikan bahan bukti kerana telefon ini sangat mudah untuk dibawa dan alat yang terbaik untuk pengkaji gunakan untuk berhubung dengan informan.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

3.3.3 Kamera

Pengkaji menggunakan kamera untuk membantu pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang penting. Pengkaji dapat mengambil gambar dan video untuk dijadikan bahan bukti semasa kajian dijalankan. Oleh itu, kamera sangat membantu pengkaji kerana pengkaji dapat merakam video semasa temubual bersama informan dan dijadikan bahan bukti dalam kajian ini. Pengkaji juga dapat merakam dan mengambil video aktiviti yang dijalankan dan pengurusan Masjid Kampung Laut.

3.3.4 Alatan Lain

Alatan lain yang digunakan semasa menjalankan kajian oleh pengkaji sebagai peralatan sampingan ialah pen, buku catatan, dan komputer riba. Peralatan sampingan ini membantu pengkaji untuk mencatat dan mengumpul maklumat semasa kajian dijalankan. Oleh itu, komputer riba pula membantu pengkaji untuk menaip maklumat yang telah dikumpulkan semasa kajian. Semua peralatan ini sangat membantu kerana semua maklumat yang dikumpul tidak akan hilang dan pengkaji tidak perlu melakukan kajian banyak kali jika terlupa.

3.4 JANGKAAN DAPATAN KAJIAN

Jangkaan dapatan kajian adalah merupakan sesuatu yang akan dijangkakan oleh pengkaji yang akan berlaku terhadap objektif kajian pada hasil kajian. Dalam objektif yang pertama, pengkaji menjangkakan akan mengetahui kesenian-kesenian yang ada pada struktur binaan Masjid Kampung Laut. Masjid ini merupakan masjid tertua yang dibina oleh masyarakat terdahulu dimana mereka memasukkan elemen-elemen yang penting dalam sesebuah binaan yang menunjukkan kesenian atau budaya yang ada pada zaman dahulu. Secara tidak langsung, pengkaji dapat mengetahui dengan lebih teliti tentang kajian yang dijalankan ini berdasarkan temubual dan pemerhatian yang dijalankan di kajian lapangan. Malah, kajian ini berperanan dalam menyumbang kepada khazanah ilmu, kerana penyelidikan dalam bidang ini akan menambahkan lagi maklumat semasa bagi mempertingkatkan beberapa maklumat mengenai kesian struktur binaan masjid sebagai bangunan warisan yang terpelihara, pusat pendidikan dan pembangunan insan di Malaysia.

Seterusnya, objektif kedua pula pengkaji akan menjangkakan akan dapat mengenalpasti perbezaan masjid nusantara dan masjid colonial. Oleh yang demikian, matlamat kajian ini dijalankan adalah bagi mengenalpasti kaedah pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri. Dengan kajian ini, pengkaji dapat tahu bagaimana cabaran dalam pengurusan masjid tersebut dalam proses perpindahan dari kawasan lama iaitu Kampung Laut, Tumpat yang kerap mengalami kenaikan paras air iaitu banjir berpindah ke kawasan baru di Nilam Puri, Kota Bharu.

Dan Objektif ketiga pula, pengkaji menjangkakan akan dapat mengetahui dengan lebih terperinci mengenai pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam menguruskan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri. Masjid Kampung Laut merupakan masjid yang tertua di negeri Kelantan, Menurut *Mubin Sheppard* (1970) yang dihuraikan oleh *Abdul Halim Nasir* (1979) menyatakan bahawa Masjid Kampung Laut ini berusia 233 tahun tetapi penduduk Kampung Laut mengatakan bahawa masjid ini telah berusia lebih 300 tahun. Oleh itu, Masjid Kampung Laut merupakan salah satu warisan yang ada negeri Kelantan yang harus dipelihara dan memelihara agar ia dapat kekal untuk tatapan generasi akan datang.

3.6 KESIMPULAN

Bab ini pengkaji menerangkan kaedah-kaedah kajian yang dijalankan oleh pengkaji untuk mendapatkan data-data tentang kajian yang dijalankan dengan betul. Oleh itu, pelbagai kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data-data dengan menggunakan kaedah sumber primer dan sekunder dalam kajian ini. Kajian ini pengkaji menggunakan kaedah utama iaitu kaedah kualitatif kerana kaedah ini sangat tepat untuk mendapatkan data-data yang betul supaya tidak akan berlaku kesalahan semasa dalam penulisan dapatan kajian dan akan menghasilkan kajian yang bagus. Kaedah ini adalah kaedah yang paling sesuai dalam menjalankan kajian kerana kaedah ini sangat mudah dan tepat untuk mengumpul data-data mengenai pengurusan Masjid Kampung Laut.


BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan analisis data dan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji melalui kaedah pemerhatian, temubual dan dokumentasi. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Hal ini kerana penyelidik berpandangan bahawa kaedah kualitatif lebih efektif dan maklumat yang diperolehi juga lebih terperinci. Di samping dapat berinteraksi dengan informan secara langsung. Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang lebih terperinci bagi mendapatkan sesuatu data atau maklumat. Kaedah ini merupakan kaedah yang lebih terperinci kerana lebih mengfokuskan kepada sesuatu dengan lebih mendalam dan terperinci.. Reka bentuk kajian memberi gambaran tentang kerangka, perancangan atau strategi yang menentukan prosedur kajian.

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah merupakan adaptasi daripada reka bentuk yang telah digunakan oleh Wiersma (1995), seperti yang ditunjukkan di bawah:



Rajah 4.1: Komponen reka bentuk kerja (*working design*)

Pada peringkat awal, penyelidik menentukan jangka masa kajian. Kemudian merangka prosedur kajian dan instrumen kajian yang hendak digunakan. Pada peringkat pengumpulan data, penyelidik telah memilih merekodkan dan menterjemah dalam bentuk penulisan seperti soalan temu bual. Kemudian data dikumpulkan dan semakan data dilakukan. Pada peringkat akhir, data dianalisis, diinterpretasikan dalam bentuk yang terperinci, menyemak semula soalan kajian dan teori dan kemudian dapatan kajian ditulis dengan lebih lengkap dan sempurna. Penyelidik telah melakukan temubual dengan seorang responden iaitu Encik Muhammad Ali Hussaini bertugas sebagai Penolong Pengarah dan Kurator di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Untuk menambahkan maklumat lagi, pengkaji menemu bual dengan pensyarah UMK seperti En.Saharuddin dan juga selaku tenaga pengajar dalam bidang Konservasi Warisan.

Kajian kualitatif ini dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual sebagai instrumen. Temu bual adalah satu kaedah kajian yang amat penting kerana ianya membantu penyelidik meneroka dan mendapatkan maklumat kajian secara mendalam. Temu bual yang dijalankan biasanya direkodkan dengan menggunakan alat perakam supaya tidak ada maklumat yang akan tertinggal atau tercicir. Tujuannya adalah untuk membantu penyelidik menyemak semula apa yang hasil temu bual dan akan membantu meningkatkan kesahan dan keboleh percayaan hasil pemerhatian yang diperolehi.

Dalam kajian ini, kaedah temu bual menjadi antara kaedah yang telah digunakan oleh penyelidik sebagai cara untuk mendapatkan data dan maklumat daripada informan. Temu bual yang telah dijalankan adalah berpandukan kepada soalan yang telah disediakan oleh penyelidik untuk diajukan kepada responden semasa sesi temu bual, hal ini bagi membantu

penyelidik mendapatkan maklumat-maklumat yang diinginkan dan seterusnya maklumat-maklumat tersebut dijadikan sebagai data atau dapatan kajian.

4.1 TRANSKRIP SOALAN PERTANYAAN DAN JAWAPAN INFORMAN

Persoalaan temu bual bagi ketiga-tiga objektif kajian :

- a) Mengenal pasti kesenian struktur binaan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri.
- b) Mengenal pasti pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam menguruskan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri.
- c) Mengetahui kaedah pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri.

Pertanyaan kepada En.Ali Hussaini iaitu Kurator di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

1. Terangkan sejarah Masjid kg laut nilam puri.

Jawapan : Masjid Kampung Laut telah dibina oleh ulama Champa di kawasan tepi sugai Kampung Laut dan dibantu oleh masyarakat kampung tersebut. Justeru itu, ulama Champa ingin menunaikan hajat mereka untuk membina sebuah masjid tetapi mereka tidak cukup kelengkapan untuk membina sebuah masjid yang besar dan masyarakat Kampung Laut juga tidak mempunyai kelengkapan. Mereka terpaksa menunaikan janji mereka untuk meneruskan pembinaan masjid tersebut walaupun mereka membina masjid yang sederhana di Kampung Laut.

2. Adakah Masjid kg laut mempunyai organisasi tersendiri?

Jawapan : Pengkaji mendapat bahawa kurang pendedahan terhadap struktur organisasi yang terdapat pada Masjid Kampung Laut bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan

3. Bagaimanakah pihak muzium menjaga kaedah pengurusan masjid kg laut?

Jawapan : Cabaran Perbadanan Muzium Negeri Kelantan yang diamanahkan oleh kerajaan negeri bagi menjaga dan mengekalkan warisan Masjid Kampung Laut. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menjaga bangunan warisan masjid ini supaya seni bina yang asal tetap dijaga dan apabila berlaku kerosakkan seperti atap senggora dan kayu pihak Perbadanan akan menggantikan atap dan kayu yang sama untuk menjaga keaslian Masjid Kampung Laut.

4. Dari manakah pihak muzium mendapatkan sumber peruntukan dana bagi menjaga dan melestarikan struktur Masjid kg laut?

Jawapan : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan mendapat bantuan ataupun dana untuk memperbaiki Masjid Kampung Laut apabila berlakunya kerosakan melalui Jabatan Warisan Malaysia dan Persatuan Sejarah Malaysia.

5. Bagaimana pembahagian kerja untuk menjaga struktur keaslian Masjid kg laut?

Jawapan : Pembahagian tugas sangat penting kerana dapat memudahkan dan mempercepatkan lagi kerja apabila berlakunya masalah kerosakkan pada

Majid Kampung Laut. Pembahagian kerja telah ditetapkan oleh pegawai pemuziuman penjagaan bangunan warisan negeri Kelantan.

6. Bagaimanakah pihak muzium mempromosikan masjid kg laut kpd masyarakat dalam negara dan luar negara?

Jawapan : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah memperkenalkan Masjid Kampung Laut sebagai bangunan warisan di dalam akhbar, artikel dan media sosial.

7. Adakah banyak masalah berlaku terhadap masjid kg laut dri segi kewangan, penjagaan dan pengurusan?

Jawapan : Kerajaan negeri telah memberi amanah kepada Perbadanan Muzium Negeri Kelantan untuk kawalan Masjid Kampung Laut dari segi penyelenggaraan dan penjagaan. Cabaran dalam penjagaan seni bina asal Masjid Kampung Laut dan kawalan dari segi penjagaan kayu dan atap supaya dikekalkan.

8. Bagaimanakah cara masyarakat membuat aduan kepada pihak muzium apabila berlaku kerosakan Masjid kg laut?

Jawapan : Sebarang aduan berkenaan kerosakan Masjid Kampung Laut telah gariskan panduan aduan dari segi surat laporan mahupun lisan dari pegawai mahupun masyarakat.

9. Apakah tujuan dan matlamat pihak berbadanan muzium Kelantan terhadap Masjid Kg Laut?

Jawapan : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menetapkan matlamat supaya masyarakat Malaysia akan mengenali warisan Masjid Kampung Laut dan pelancong daripada negara luar juga dapat melihat dan mengenali masjid tersebut.

10. Apakah perancangan masa hadapan pihak muzium terhadap Masjid Kg Laut?

Jawapan : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah merancang untuk memindahkan Masjid Kampung Laut yang terletak di Nilam Puri Kota Bharu ke tempat asal masjid itu dibina iaitu di Kampung Laut Tumpat, Kelantan.

Pertanyaan kepada En.Saharuddin selaku Pensyarah Konservasi UMK

1. Apakah kesenian yang ada pada Masjid Kampung Laut?

Jawapan : Begitu banyak kesenian yang ada di Masjid Kampung Laut dari segi seni bina, struktur binaan dan lain-lain lagi.

2. Apakah kesenian yang ada di seni bina Masjid Kampung Laut?

Jawapan : Masjid Kampung Laut telah dibaikpulih dengan menggunakan kayu cengal yang tahan lama supaya generasi baru dapat melihat masjid yang tertua di Kelantan. Oleh itu, Masjid Kampung Laut ini menggunakan bumbung yang lebih kemas dan untuk kelihatan cantik lagi mereka telah menggunakan jubin singgora supaya kelihatan lebih tersusun.

3. Apakah kesenian yang ada di bumbung Masjid Kampung Laut?

Jawapan : Masjid Kampung Laut ini mempunyai tiga lapisan bumbung yang dibina pada zaman dahulu dan masih dikekalkan sehingga sekarang. Oleh itu, bumbung masjid ini merupakan bentuk bumbung Melayu-Nusantara atau dikenali sebagai bumbung son pecah empat kerana bumbung tersebut berbentuk gunung.

4. Apakah kesenian yang ada di atap Masjid Kampung Laut?

Jawapan : Masjid Kampung Laut ini menggunakan atap senggora yang cantik dan disusun dengan kemas pada masjid. Atap senggora ini digunakan pada zaman dahulu lagi dan masih dikekalkan sehingga kini dan dipantau oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan bagi penjagaan atap senggora tersebut supaya dikekalkan.

5. Apakah kesenian yang ada di serambi Masjid Kampung Laut?

Jawapan : Masjid Kampung Laut mempunyai tiga serambi iaitu serambi besar, serambi kiri dan serambi kanan. Serambi besar mempunyai keluasan sebesar 3 meter lebar dan 16.2 meter panjang daripada ketiga-tiga, serambi ini paling besar di dalam Masjid Kampung Laut.

MALAYSIA

KELANTAN

6. Apakah kesenian yang ada di ruang solat Masjid Kampung Laut?

Jawapan : Masjid Kampung Laut mempunyai empat tiang utama yang besar kerana keluasan dalaman Masjid Kampung Laut sangat besar. Masjid Kampung Laut dapat menampung 200 ahli jamaah dalam satu masa disebabkan itu masjid tersebut menggunakan tiang yang besar supaya tahan lebih lama.

7. Apakah kesenian yang ada di wakaf orang kaya Masjid Kampung Laut?

Jawapan : Wakaf orang kaya terletak di bahagian kanan masjid khas dibina dari sumbangan orang kaya daripada Kampung Laut pada zaman dahulu. Oleh itu, nama wakaf ini diberi gelaran sempurna sumbangan orang kaya bernama En. Hussain iaitu cucu Nik Wan Mohammad di Masjid Kampung Laut dan ruangan ini dibina pada tahun 1950.

8. Apakah kesenian yang ada di loteng Masjid Kampung Laut?

Jawapan : Loteng merupakan tempat bilal melafazkan azan dan loteng ini juga bertujuan untuk mengasingkan diri semasa bermunajat kepada Allah SWT. Oleh itu, loteng mempunyai tangga yang panjang dan untuk menaiki loteng harus menggunakan tangga tersebut kerana loteng berada di atas antara empat tiang seri dan keluasan loteng pula adalah 5.4 x 5.7 meter.

9. Apakah kesenian yang ada di balai lintang Masjid Kampung Laut?

Jawapan : Balai lintang mempunyai bumbung berbentuk lima dan berkedudukan dengan serambi besar dan dewan sembahyang.

10. Apakah kesenian yang ada di menara Masjid Kampung Laut?

Jawapan : Menara merupakan bahagian yang paling tinggi di Masjid Kampung Laut dan menara terletak di bahagian kanan masjid. Menara tersebut mempunyai ketinggian 10.5 meter, keluasannya pula sebesar 24 x 24 meter dan menara Masjid Kampung Laut juga mempunyai tiga tingkat dan mempunyai puncak yang berukiran buah gantung.

11. Apakah kesenian yang ada di mimbar Masjid Kampung Laut?

Jawapan : Mimbar Masjid Kampung Laut diperbuat daripada kayu cengal iaitu seluas 1.1 x 0.7 meter dan ketinggiannya pula 2.02 meter. Oleh itu, mimbar ini mempunyai ukiran yang khusus dan cantik kerana setiap ukiran di mimbar mempunyai ukiran yang berbeza di setiap bahagian.

12. Apakah kesenian yang ada di geduk Masjid Kampung Laut?

Jawapan : Geduk yang digunakan di Masjid Kampung Laut pada zaman dahulu tetapi sudah tidak digunakan lagi di Masjid kampung Laut. Geduk ini berukuran 1.65 x 0.66 meter dan bingkainya diperbuat daripada kayu yang tahan lama iaitu kayu cengal dan mempunyai ketebalan 5 sentimeter.

MALAYSIA

KELANTAN

4.2 KESENIAN STRUKTUR BINAAN MASJID KAMPUNG LAUT

4.2.1 Seni Bina Masjid Kampung Laut



Gambar 4.1: Seni Bina Di Dalam Masjid Kampung Laut

(Sumber: Pengkaji, 2020)

Masjid Kampung Laut telah dibaikpulihan dengan menggunakan kayu cengal yang tahan lama supaya generasi baru dapat melihat masjid yang tertua di Kelantan. Oleh itu, Menurut En.Saharuddin, Masjid Kampung Laut ini menggunakan bumbung yang lebih kemas dan untuk kelihatan cantik lagi mereka telah menggunakan jubin singgora supaya kelihatan lebih tersusun. Seterusnya, Masjid Kampung Laut menjadi tarikan ramai kerana masjid tersebut menggunakan ukiran dan hiasan yang kursus supaya kelihatan lebih menarik. Ukiran khusus ini bukan sepenuhnya di ukir ada juga tempat-tempat yang tidak diukir seperti tiang tengah atau tiang sari, tetupai dan bahagian mimbar. Masjid Kampung Laut dibina oleh orang Champa dan penduduk kawasan Kampung Laut mereka tidak cukup peralatan mereka meyiapkan masjid tersebut.

4.2.2 Bumbung



Gambar 4.2: Kedudukan Bumbung

(Sumber: Pengkaji, 2020)

Menurut En.Saharuddin, Masjid Kampung Laut ini mempunyai tiga lapisan bumbung yang dibina pada zaman dahulu dan masih dikekalkan sehingga sekarang. Oleh itu, bumbung masjid ini merupakan bentuk bumbung Melayu-Nusantara atau dikenali sebagai bumbung son pecah empat kerana bumbung tersebut berbentuk gunung. Di samping itu, bumbung masjid ini mempunyai maksud tersendiri mengikut lapisan bumbung iaitu bagi lapisan pertama bermaksud disifatkan bumi atau dunia tempat manusia berpijak, lapisan kedua pula bermaksud umat islam yang menjadi pendukung agama yang di redia Allah, dan lapisan ketiga bermaksud menyankut aqidah dan keimanan kepada Allah SWT Tuhan yang Maha Esa.

4.2.3 Atap



Gambar 4.3: Atap Senggora

(Sumber: Pengkaji, 2020)

Menurut En.Saharuddin, Masjid Kampung Laut ini menggunakan atap senggora yang cantik dan disusun dengan kemas pada masjid. Atap senggora ini digunakan pada zaman dahulu lagi dan masih dikekalkan sehingga kini dan dipantau oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan bagi penjagaan atap senggora tersebut supaya dikekalkan. Oleh itu, atap ini sangat sukar dijaga kerana atap ini bersifat mudah pecah dan kos untuk menggantikan atap senggora ini sangat mahal dan mengambil masa yang lama untuk mendapatkan atap ini.

4.2.4 Serambi



Gambar 4.4: Kedudukan Serambi Di Masjid Kampung Laut

(Sumber: Pengkaji, 2020)

Menurut En.Saharuddin, Masjid Kampung Laut mempunyai tiga serambi iaitu serambi besar, serambi kiri dan serambi kanan. Serambi besar mempunyai keluasan sebesar 3 meter lebar dan 16.2 meter panjang daripada ketiga-tiga, serambi ini paling besar di dalam Masjid Kampung Laut. Di samping itu, dua serambi lagi terletak di bahagian kiri dan kanan dan berkedudukan selari dengan dewan sembahyang. Serambi ini bertujuan untuk menampung jamaah yang ramai dan dapat menunaikan solat jamaah beramai-ramai.

4.2.5 Ruang Solat



Gambar 4.5: Ruangan Solat Masjid Kampung Laut

(Sumber: Pengkaji, 2020)

Menurut En.Saharuddin, Masjid Kampung Laut mempunyai empat tiang utama yang besar kerana keluasan dalaman Masjid Kampung Laut sangat besar. Masjid Kampung Laut dapat menampung 200 ahli jamaah dalam satu masa disebabkan itu masjid tersebut menggunakan tiang yang besar supaya tahan lebih lama. Tiang sari dan gelegar diratakan menggunakan cetar atau beliong supaya kelihatan rata dan cantik kerana pada zaman pembinaan masjid mereka tiada alat yang cukup untuk meratakan kayu.

4.2.6 Wakaf Orang Kaya



Gambar 4.6: Ruang Wakaf Orang Kaya

(Sumber: Pengkaji, 2020)

Menurut En.Saharuddin, Wakaf orang kaya teletak di bahagian kanan masjid khas dibina dari sumbangan orang kaya daripada Kampung Laut pada zaman dahulu. Oleh itu, nama wakaf ini diberi gelaran semperna sumbangan orang kaya bernama En. Hussain iaitu cucu Nik Wan Mohammad di Masjid Kampung Laut dan ruangan ini dibina pada tahun 1950. Ruangannya ini dibina di masjid tersebut tetapi ruangan ini dibina berasingan dan ketinggiannya sama dengan serambi sisi. Di samping itu, ruangan ini menjadi tempat berehat untuk orang kaya di Kampung Laut tetapi pada masa sekarang telah berubah kerana ruangan ini telah menjadi tempat untuk jamuan dan majlis-majlis kenduri.

4.2.7 Loteng



Gambar 4.7: Kedudukan Loteng

(Sumber: Pengkaji, 2020)

Menurut En.Saharuddin, loteng merupakan tempat bilal melafazkan azan dan loteng ini juga bertujuan untuk mengasingkan diri semasa bermunajat kepada Allah SWT. Oleh itu, loteng mempunyai tangga yang panjang dan untuk menaiki loteng harus menggunakan tangga tersebut kerana loteng berada di atas antara empat tiang seri dan keluasan loteng pula adalah 5.4 x 5.7 meter.

MALAYSIA

KELANTAN

4.2.8 Balai Lintang



Gambar 4.8: Kedudukan Balai Lintang

(Sumber: Pengkaji, 2020)

Menurut En.Saharuddin, balai lintang mempunyai bumbung berbentuk lima dan berkedudukan dengan serambi besar dan dewan sembahyang. Justeru itu, balai lintang ini lebih tinggi daripada serambi besar dan balai lintang ini dibina pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Ke-IV iaitu pada tahun 1908.

MALAYSIA

KELANTAN

4.2.9 Menara




Gambar 4.9: Kedudukan Menara

(Sumber: Pengkaji, 2020)

Menurut En.Saharuddin, Menara merupakan bahagian yang paling tinggi di Masjid Kampung Laut dan menara terletak di bahagian kanan masjid. Menara tersebut mempunyai ketinggian 10.5 meter, luasannya pula sebesar 24 x 24 meter dan menara Masjid Kampung Laut juga mempunyai tiga tingkat dan mempunyai puncak yang berukiran buah gantung. Menara tersebut pada zaman dahulu digunakan untuk melafazkan azan jika tibanya waktu untuk menunaikan solat dan bilal akan naik keatas dan melafazkan azan di atasnya supaya masyarakat Kampung Laut dapat mendengar. Tetapi pada zaman sekarang bilal sudah tidak perlu naik keatas untuk melafazkan azan lagi kerana di atas menara sudah diletakkan pembesar suara untuk memudahkan lagi bilal untuk melafazkan azan di dalam masjid sahaja.

4.2.10 Mimbar



Gambar 4.10: Mimbar Masjid Kampung Laut

(Sumber: Pengkaji, 2020)

Menurut En.Saharuddin, Mimbar Masjid Kampung Laut diperbuat daripada kayu cengal iaitu seluas 1.1 x 0.7 meter dan ketinggiannya pula 2.02 meter. Oleh itu, mimbar ini mempunyai ukiran yang khusus dan cantik kerana setiap ukiran di mimbar mempunyai ukiran yang berbeza di setiap bahagian. Ukiran yang diukir di mimbar tersebut ialah ukiran timbul dan dikenali sebagai ukiran salur bayur dan daun ketumbit. Justeru itu, mimbar yang digunakan di Masjid Kampung Laut pada zaman dahulu masih digunakan sehingga sekarang dan dijaga dengan baik pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

4.2.11 Geduk (Beduk)



Gambar 4.11: Geduk Masjid Kampung Laut

Sumber: Akib, S. M. (2003)

Menurut En.Saharuddin, geduk yang digunakan di Masjid Kampung Laut pada zaman dahulu tetapi sudah tidak digunakan lagi di Masjid Kampung Laut. Geduk ini berukuran 1.65 x 0.66meter dan bingkainya diperbuat daripada kayu yang tahan lama iaitu kayu cengal dan mempunyai ketebalan 5 sentimeter. Seterusnya, untuk menutup lubang besar geduk tersebut yang mempunyai lebar sebesar 3.3 sentimeter dan menggunakan belulang lembu yang telah di awet dan melekatkan di sekeliling permukaan geduk tersebut.

4.3 PENGURUSAN PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN DALAM PENGURUSKAN MASJID KAMPUNG LAUT DI NILAM PURI.

Di dalam dapatan kajian ini, pengkaji akan membuat satu draf bagi hasil-hasil yang telah dipilih dan disusun oleh pengkaji semasa kajian dijalankan. Pengkaji akan menyusun dapatan ini mengikut teori yang telah digunakan iaitu perancangan, perorganisasian, kepimpinan, dan kawalan. Dapatan kajian ini diperoleh dari temubual bersama Encik Muhammad Ali Hussaini bertugas sebagai Penolong Pengarah dan Kurator di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

4.2.1 SENARAI SEMAK LIMA FUNGSI PENGURUSAN

Perancangan
<ul style="list-style-type: none"> ✓ Matlamat organisasi ✓ Tujuan organisasi X Visi X Misi ✓ perancangan yang telah dirancang oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut

Jadual 4.3 : Analisis Pengurusan Perancangan

Matlamat Organisasi:

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menetapkan matlamat supaya masyarakat Malaysia akan mengenali warisan Masjid Kampung Laut dan

pelancong daripada negara luar juga dapat melihat dan mengenali masjid tersebut.

Tujuan Organisasi:

Tujuan organisasi ini pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menjaga keaslian Masjid Kampung Laut supaya masjid ini tidak akan rosak dan akan kekal lama dari struktur seni bina yang asal.

Menurut En.Ali Hussaini, pengkaji mendapati bahawa Perbadanan Muzium Negeri Kelantan kurang pendedahan terhadap penetapan visi dan misi pada pengurusan bangunan warisan Masjid Kampung Laut

Penetapan visi dan misi ini sangat penting dalam sesebuah organisasi kerana visi dan misi ini adalah garis panduan untuk mencapai matlamat dan tujuan sesebuah organisasi. Oleh itu, kesan yang akan berlaku apabila tiada penetapan visi dan misi bagi organisasi ini akan menimbulkan masalah penjagaan warisan Masjid Kampung Laut.

Perancangan yang telah dirancang oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah merancang untuk memindahkan Masjid Kampung Laut yang terletak di Nilam Puri Kota Bharu ke tempat asal masjid itu dibina iaitu di Kampung Laut Tumpat, Kelantan. Ini disebabkan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan ingin mengekalkan sejarah asal usul binaan Masjid Kampung Laut tetapi terdapat beberapa kekangan untuk mengekalkan masjid tersebut sebagai bangunan bersejarah. Antara kekangannya ialah lokasi yang dipindahkan sekarang iaitu Nilam Puri dikatakan tidak mencapai kriteria-kriteria pengistiharaan sebagai tapak

warisan UNESCO kerana lokasi asalnya berubah kerana lokasi asalnya ialah di Kampung Laut, Tumpat.

Pengorganisasian
<ul style="list-style-type: none">✓ Pembahagian tugas✓ Bantuan ataupun dana yang diterimaX Struktur organisasi

Jadual 4.4 : Analisis Pengurusan Pengorganisasian

Pembahagian Tugas:

Menurut En.Ali Hussaini, ketua di dalam organisasi ini perlu membahagikan tugas kepada pekerja secara tidak tetap. Oleh itu, pembahagian tugas akan memudahkan dan mempercepatkan lagi gerak kerja dalam pemantauan bangunan warisan Masjid Kampung Laut. Pembahagian tugas ini akan mengajar dan memberi pengalaman kepada seseorang dalam pengurusan sesebuah organisasi.

Bantuan ataupun Dana Yang Diterima:

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah menerima bantuan ataupun dana bagi penjagaan bangunan warisan Masjid Kampung Laut. Apabila berlaku kerosakkan pihak muzium memerlukan dana yang banyak untuk menjaga keaslian masjid tersebut. Disamping itu, apabila pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan tidak mampu untuk membaiki kerosakan Masjid Kampung Laut pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan akan membuat permohonan untuk meminta bantuan dana daripada Jabatan Warisan Malaysia dan Persatuan Sejarah Malaysia.

Menurut En.Ali Hussaini, pengkaji mendapat bahawa kurang pendedahan terhadap struktur organisasi yang terdapat pada Masjid Kampung Laut bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan

Kesan yang akan timbul apabila pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan tidak menetapkan struktur organisasi akan menyebabkan warisan Masjid Kampung Laut tidak akan terjaga. Oleh itu, struktur organisasi sangat penting kerana adanya organisasi akan memudahkan lagi pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

Kepimpinan
<ul style="list-style-type: none"> ✓ Kaedah komunikasi X Bagaimana organisasi Masjid Kampung Laut memberi dorongan kepada pihak pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Jadual 4.5 : Analisis Pengurusan Kepimpinan

Kaedah Komunikasi:

Menurut En.Ali Hussaini, Kaedah berkomunikasi ini sangat penting kerana jika berlaku masalah kita akan memberitahu pihak yang berkenaan seperti kerosakkan berlaku pada Masjid Kampung Laut pelajar atau pekerja akan melaporkan kepada pihak Perbadanan Muzium Kelantan dengan membuat panggilan. Oleh itu, membuat panggilan ini adalah salah satu

kaedah berkomunikasi untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat tentang Masjid Kampung Laut.

Menurut En.Ali Hussaini, pengkaji mendapati bahawa tiada organisasi Masjid Kampung Laut memberi dorongan kepada pihak pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Kesan yang akan timbul apabila tidak memberi dorongan kepada pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan akibat tiada struktur organisasi Masjid Kampung Laut. Disebabkan tiada struktu organisasi menyebabkan Masjid Kampung Laut tidak akan mencapai matlamat yang ditetapkan dan menjadi satu masalah sebagai contoh berlaku kerosakan, bekalan air tidak ada, dan masalah bekalan elektrik. Oleh itu, struktur organisasi sangat penting kerana ia akan menyelaraskan tugas dengan teratur.

Kawalan
<ul style="list-style-type: none"> ✓ Cabaran dalam kawalan pengurusan Masjid Kampung Laut X Tindakan yang diambil apabila berlaku kesilapan dalam mencapai matlamat organisasi

Jadual 4.6 : Analisis Pengurusan Kawalan

Cabaran dalam kawalan pengurusan Masjid Kampung Laut:

Cabaran Perbadanan Muzium Negeri Kelantan yang diamanahkan oleh kerajaan negeri bagi menjaga dan mengekalkan warisan Masjid Kampung Laut. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menjaga bangunan warisan masjid ini supaya seni bina yang asal tetap dijaga dan apabila berlaku kerosakkan seperti atap senggora dan kayu pihak Perbadanan akan

mengantikan atap dan kayu yang sama untuk menjaga keaslian Masjid Kampung Laut.

Menurut En.Ali Hussaini, pengkaji mendapati bahawa kurang pendedahan terhadap tindakan yang diambil apabila berlaku kesilapan dalam mencapai matlamat organisasi

Kesan yang akan timbul apabila tidak mengambil tindakan apabila berlaku kesilapan akan menyebabkan matlamat dan tujuan tidak akan tercapai seperti yang ditetapkan. Oleh itu, tindakan awal perlu diambil jika berlaku masalah supaya matlamat sesebuah organisasi akan tercapai.

4.4 KAEDAH PENGURUSAN PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN DALAM MELESTARIKAN MASJID KAMPUNG LAUT DI NILAM PURI.

4.3.1 KAEDAH PENGURUSAN

Di dalam dapatan kajian ini, pengkaji akan membuat satu draf dimana mempunyai kriteria dan dapatan bagi hasil-hasil yang telah dipilih dan disusun oleh pengkaji semasa kajian dijalankan. Hasil kajian ini diperoleh melalui sesi temubual bersama Encik Muhammad Ali Hussaini bertugas sebagai Penolong Pengarah dan Kurator di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

KRITERIA	(/) ATAU (X)	DAPATAN
Perancangan		
a) Mengenal pasti tujuan dan matlamat pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan terhadap Masjid Kampung Laut	/	<ul style="list-style-type: none"> ● Perbadanan Muzium Negeri Kelantan tidak mempunyai visi dan misi terhadap pengurusan Masjid Kampung Laut. ● Tujuan dan matlamat bagi pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut ialah ingin mengekalkan warisan masjid ini supaya kekal lama dari segi seni bina supaya warisan masjid ini dikenali ramai tidak kira masyarakat di Malaysia sendiri mahupun pelancong asing.

		<ul style="list-style-type: none"> ● Menjadikan pusat rujukan utama
<p>b) Menganalisa perancangan yang telah dirancang oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut pada masa hadapan untuk mencapai matlamat dan tujuan yang ditetapkan</p>	<p>/</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah merancang untuk memindahkan Masjid Kampung Laut yang terletak di Nilam Puri Kota Bharu ke tempat asal masjid itu dibina iaitu di Kampung Laut Tumpat, Kelantan. ● Ini disebabkan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan ingin mengekalkan sejarah asal usul binaan Masjid Kampung Laut tetapi terdapat beberapa kekangan untuk mengekalkan masjid tersebut sebagai bangunan bersejarah. Antara kekangannya ialah lokasi yang dipindahkan sekarang iaitu Nilam Puri dikatakan tidak mencapai kriteria-kriteria pengistiharaan sebagai tapak warisan UNESCO kerana lokasi asalnya berubah kerana lokasi asalnya ialah di Kampung Laut, Tumpat. ● Untuk menjadikan Masjid Kampung Laut sebagai tapak warisan UNESCO, masjid ini perlu mengekalkan intergriti dan keaslian masjid dengan mengubah lokasi penetapan masjid tersebut dari Nilam

		<p>Puri ke Kampung Laut, Tumpat. Seperti sedia tahu, masjid ini dipindahkan ke Nilam Puri pada tahun 1967 adalah disebabkan oleh bencana banjir besar yang berlaku sekitar tahun 1966 sehingga 1997 mengakibatkan struktur binaan masjid sebahagiannya runtuh dan mengalami kerosakan.</p> <ul style="list-style-type: none">● Mengikut kata Ahmad Yakkob, menteri besar Kelantan, merancang pemindaan ke lokasi asal iaitu Kampung Laut Tumpat agar diistiharkan sebagai tapak warisan UNESCO. Pada 14 September 2020 proses pemindahan masjid ini dari Nilam Puri ke Kampung Laut Tumpat dilakukan bersama persatuan Sejarah Malaysia, Kerajaan Negeri Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
--	--	---

Pengorganisasian		
<p>a) Mengenal pasti struktur organisasi yang terdapat pada Masjid Kampung Laut bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.</p>	<p>X</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Menurut En.Ali Hussaini, pengkaji mendapati kurang pendedahan terhadap struktur organisasi yang terdapat pada Masjid Kampung Laut bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.
<p>b) Mengenal pasti pembahagian tugas yang dilakukan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.</p>	<p>/</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pembahagian tugas sangat penting kerana dapat memudahkan dan mempercepatkan lagi kerja apabila berlakunya masalah kerosakkan pada Masjid Kampung Laut. ● Pembahagian tugas ini akan mengajar kita dalam menguruskan Masjid Kampung Laut supaya masjid tersebut tidak akan mengalami masalah kerosakan.

<p>c) Mengenal pasti bantuan ataupun dana yang diterima oleh pihak lain kepada Perbadanan Muzium Negeri Kelantan untuk penjagaan Masjid Kampung Laut apabila mengalami masalah kerosakan.</p>	/	<ul style="list-style-type: none"> ● Perbadanan Muzium Negeri Kelantan mendapat bantuan ataupun dana untuk memperbaiki Masjid Kampung Laut apabila berlakunya kerosakan melalui Jabatan Warisan Malaysia dan Persatuan Sejarah Malaysia.
Kepimpinan		
<p>a) Mengenal pasti kaedah komunikasi antara pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dengan pelajar Kolej Sultan Ismail (KIAS) dan</p>	/	<ul style="list-style-type: none"> ● Komunikasi iaitu secara bersemuka atau lisan antara dua belah pihak. Komunikasi secara media sosial pula iaitu melalui whatsapp, facebook dan email untuk memberi maklumat apabila berlaku kerosakan.

pekerja Yayasan Islam Kelantan (YIK).		
b) Menganalisa bagaimana organisasi Masjid Kampung Laut memberi dorongan kepada pihak pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.	X	<ul style="list-style-type: none"> ● Menurut En.Ali Hussaini, pengkaji mendapati bahawa kurang pendedahan terhadap organisasi Masjid Kampung Laut memberi dorongan kepada pihak pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
Kawalan		
a) Mengenal pasti tindakan yang diambil apabila berlaku kesilapan dalam mencapai matlamat organisasi	X	<ul style="list-style-type: none"> ● Menurut En.Ali Hussaini, pengkaji mendapati bahawa kurang pendedahan terhadap tindakan yang diambil apabila berlaku kesilapan dalam mencapai matlamat organisasi.

<p>b) Mengenal pasti cabaran dalam kawalan pengurusan Masjid Kampung Laut</p>	<p>/</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kerajaan negeri telah memberi amanah kepada Perbadanan Muzium Negeri Kelantan untuk kawalan Masjid Kampung Laut dari segi penyelenggaraan dan penjagaan ● Cabaran dalam penjagaan seni bina asal Masjid Kampung Laut dan kawalan dari segi penjagaan kayu dan atap supaya dikekalkan.
---	----------	--

4.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, di dalam bab empat pengkaji menjelaskan menyenaraikan data-data yang diperolehi semasa kajian dijalankan melalui sumber data premer. Oleh itu, pengkaji dapat menyimpulkan semua data yang diterima berdasarkan hasil kajian lapangan iaitu membuat pemerhatian dan temubual. Pengkaji dapat menjawab kesemua objektif dan persoalan kajian ini mengenai kesenian Masjid Kampung Laut serta pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampug Laut di Nilam Puri.

Seterusnya, pengkaji membuat temubual bersama seorang informal merupakan pihak pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan yang diberi amanah untuk menjaga warisan Masjid Kampung Laut dan juga 2 orang informal daripada pensyarah UMK dari bidang konservasi warisan yang mengetahui maklumat berkenaan dengan bangunan warisan yang ada di negeri Kelantan . Sepanjang pengkaji membuat temubual pihak pengurusan sangat membantu dan memberi kerjasama kepada pangkaji untuk mendapatkan maklumat mengenai pengurusan Masjid Kampung Laut.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 PENGENALAN

Bab ini secara keseluruhannya membincangkan tentang rumusan dan cadangan kajian yang telah dijalankan. Oleh itu, pengkaji akan menerangkan secara terperinci lagi tentang rumusan dan cadangan kajian mengikut data dan maklumat yang telah diperolehi melalui pelbagai sumber. Pengkaji akan membuat rumusan ini berdasarkan maklumat yang diperolehi yang merangkumi penjelasan terhadap kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Disamping itu, cadangan yang akan dikemukakan oleh pengkaji hasil dari penyelidikan telah dilaksanakan mengikut kekurangan dan kelemahan bagi setiap pengurusan yang telah dijalankan oleh pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut. Seterusnya, pengkaji juga akan memberi cadangan kepada pengkaji akan datang untuk membantu pihak pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, hal ini akan memberi peluang kepada pengkaji akan datang untuk menjalankan kajian dengan lebih mendalam lagi mengenai kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.1 RUMUSAN DAN RINGKASAN KESELURUHAN KAJIAN

Analisa yang akan dibuat oleh pengkaji merupakan ringkasan yang berdasarkan keseluruhan kajian dan pengkaji akan merumuskan kajian ini bagi kesemua bab. Bagi bab satu pengkaji telah menerangkan tentang pengenalan kajian bagi menerangkan tentang objek dan subjek dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji juga membincangkan tentang sejarah dan latar belakang kajian, objektif kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian yang timbul dalam kajian ini. Malah pengkaji juga akan menerangkan tentang kepentingan kajian, skop kajian yang dijalankan dan lokasi kajian. Bagi subjek kajian yang dijalankan oleh pengkaji akan menfokuskan kesenian struktur Masjid Kampung Laut dan pengurusan Perbadanan Muzium Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut.

Bab dua pula pengkaji menerangkan tentang sorotan kesusasteraan sebagai bahan rujukan bagi menyokong lagi kajian yang pengkaji jalankan. Oleh itu, bahan rujukan ini merupakan data sekunder yang diperoleh melalui sumber buku, jurnal dan akhbar yang akan mengukuhkan lagi kajian ini. Tujuan utama bagi menggunakan data skunder ini untuk membantu pengkaji meneliti dan memahami serba sedikit tentang kajian yang dijalankan dan memudahkan lagi pengkaji untuk mengumpul maklumat sekaligus memberi pengetahuan yang lebih jelas kepada pengkaji dalam menjalankan kajian.

Bab tiga pula menerangkan tentang metodologi kajian yang digunakan untuk mendapatkan data-data yang betul semasa kajian. Disamping itu, dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kualitatif kerana kaedah ini memudahkan lagi pengkaji untuk mendapat data yang betul melalui temubual dan pemerhatian. Kajian ini pengkaji menemubual pihak yang berkepentingan untuk mendapatkan data-data iaitu pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan supaya data yang diperolehi adalah tepat. Bab ini juga pengkaji

menerangkan tentang instrument kajian yang digunakan oleh pengkaji bagi memudahkan pengkaji untuk menjalankan kajian ini dengan lebih cepat dalam mengumpul data-data.

Bab empat pula pengkaji menerangkan tentang analisa dan dapatan kajian yang diperoleh daripada kajian lapangan iaitu melalui temubual. Dapatan kajian ini dapat dikumpul daripada soalan yang telah diajukan oleh pengkaji kepada informan dan dalam kajian ini pengkaji memberi penekanan kepada objektif kajian. Oleh itu, daripada dapatan kajian yang diperoleh ini pengkaji telah dapat mengesan kesenian struktur masjid Kampung Laut dan dapat mengetahui pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut.

5.2 CADANGAN

Bahagian cadangan ini merupakan bahagian untuk pengkaji mengemukakan cadangan kepada pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan kepada pengkaji akan datang. Oleh itu, dalam bahagian ini pengkaji akan mencadangkan idea-idea dan pendapat yang digunakan oleh pada masa akan hadapan untuk memperbaiki dan membantu pihak pengurusan muzium dan pengkaji akan datang. Disamping itu, cadangan yang dikemukakan ini berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh bertujuan untuk meningkatkan lagi kecekapan dan ketelitian dalam pengurusan. Antaranya cadangan yang dikemukakan ialah:

5.2.1 Cadangan Kepada Pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

- Pengkaji mencadangkan agar pihak pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan untuk membangunkan satu sistem pengurusan masjid yang komprehensif demi kepentingan bersama. Pihak pengurusan boleh menghasilkan satu sistem menggunakan satu media elektronik seperti e-masjid bagi menguruskan masjid-masjid yang terdapat di negeri Kelantan khususnya. Hal ini bukan sahaja dapat menambah baik pengurusan masjid malah dapat meningkatkan mutu dan kualiti pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan juga. Oleh hal yang demikian, kecanggihan teknologi zaman sekarang perlulah diaplikasi oleh pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan pihak pengurusan masjid.
- Pengkaji juga mencadangkan supaya pihak pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menyelia dan mengurus tadbir hal ehwal Masjid Kampung Laut. Sebagai contoh, dari aspek kewangan yang memerlukan jawatankuasa khas untuk bertanggungjawab menguruskan kewangan masjid terutama apabila terdapat program-program yang ingin dilajankan. Hal ini penting supaya pengurusan masjid ini diurus mengikut seluruh yang betul. Tanpa jawatankuasa khas sudah tentucabaran yang mendatang tidak dapat diatasi dengan mudah.

MALAYSIA

KELANTAN

5.2.2 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang

- Lanjutan yang dicadangkan adalah dilakukan kajian secara berfokus tentang peranan pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan terutama berkaitan pengurusan masjid. Ini kerana peranan yang ditonjol oleh pihak terlibat kurang jelas kepada masyarakat khususnya. Contohnya, masyarakat tidak tahu Perbadanan Muzium Negeri Kelantan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan masjid. Oleh itu, ianya dapat memperlihatkan peranan-peranan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan secara khusus dan jelas.
- Mengkaji tentang kaedah-kaedah pengurusan masjid yang lebih sistematik. Keadaan ini kerana pihak terlibat kurang mengetahui secara langsung dan mendalam berkenaan pengurusan masjid. Terdapat kes-kes yang tidak sepatutnya berlaku dalam pengurusan masjid itu sendiri, contohnya kes pecah amanah. Oleh itu, pengkaji akan datang akan memikirkan kaedah-kaedah yang baharu untuk dilaksanakan dalam pengurusan masjid supaya tiada ketirisan gerak kerja oleh jawatankuasa itu sendiri.

5.3 PENUTUP

Kesimpulannya, bab ini pengkaji menyimpulkan keseluruhan iaitu dari bab satu hingga bab lima berkenaan kajian yang telah dijalankan tentang pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut. Oleh itu, pengurusan Masjid Kampung Laut sangat penting dalam penjagaan bagi memastikan warisan negeri ini tidak terus hilang dalam arus pemodenan. Dimana sistem pengurusan sesebuah masjid perlu ada untuk menguruskan atau mentadbir dengan lebih produktif dan sistematik.

Masjid Kampung Laut merupakan bangunan warisan yang terpelihara di bawah jagaan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan merupakan masjid tertua yang dibina di Malaysia. Proses pemeliharaan warisan negara ini perlu diuruskan dengan lebih teliti dari perbahagai sudut agar stuktur keaslian dan kesenian yang ada pada Masjid Kampung Laut tidak hilang dengan begitu sahaja. Pemandahan ke tempat asal masjid tersebut di Kampung Laut Tumpat yang dilakukan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan merupakan tindakan sewajarnya dilakukan untuk menepati keteria-keteria pengistiharaan sebagai tapak warisan UNESCO. Oleh itu, Masjid Kampung Laut telah kembali ke tempat asal tapak binaannya secara tidak langsung meningkatkan lagi asal usul dan keasliannya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

Buku

1. Abdul Halim Nasir. 1985. Pengenalan Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia. Loyal Press Sdn Bhd.
2. Akib, S. M. (2003). Majid Tua Kampung Laut. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
3. Al-Faruqi, Ismail R, Lois Lamy al-Faruqi (2020), Atlas Budaya Islam. Bandung.
4. Jusoh, M. N. (2003). Tamadun Islam. Kelantan: Dian Darul naim.
5. Israr, C. (1978). Sejarah Kesenian Islam. Jilid 1: Penerbitan Bulan Bintang.
6. Mahwati, R. (2009). Motif Hiasan Tiga Buah Masjid Tua Abad Ke-18 Di Melaka, Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
7. Mosley, D. C., Pietri, P. H., & Jr, D. C. M. (2008). Supervisory Management. Edisi ke-7. Mason: Thomson SouthWestern.
8. Mohd. Yusof Hashim. (1992). The Malay Sultanate of Malacca. K.L: DBP. Mana Sikana. 1966. Falsafah dan Seni Kreatif Melayu. K.L: DBP.
9. Mukmin, M. J. (1992). Sejarah Perkembangan Islam. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
10. Nasir, A. H. (1995). Seni Bina Masjid Di Dunia Melayu-Nusantara . Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi.
11. Nasir, Abdul Halim (1984). Masjid-Masjid di Semenanjung Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium.

12. *Nasir, A. H. (1979). Pandun Ke Tempat-tempat Bersejarah Kelantan. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium.*
13. *Othman, M. R. (2005). Islam Dalam Masyarakat Melayu: peranan dan pengaruh Timur Tengah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.*
14. *Samsudin, N. F. (2001). Singapura Melawan Arus Kemelesetan Ekonomi. Menguruskan Kewangan: p.25.*
15. *Yatim, O. M. (1989). Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.*
16. *Yahaya, M. (2005). Tamadun Islam. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.*

Buku Online

1. *Alexander, K. (1996). "Facilities Management: Theory And Practices". Great Britain : E & FN Spon.*

[https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=B7XkD97MN5MC&oi=fn&pg=PA2&dq=Alexander,+K.+\(1996\).+%E2%80%9CFacilities+Management&ots=3ou3KWPCfb&sig=hma5ddolma93j5qbBNPLn-5c49c&redir_esc=y#v=onepage&q&f=false](https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=B7XkD97MN5MC&oi=fn&pg=PA2&dq=Alexander,+K.+(1996).+%E2%80%9CFacilities+Management&ots=3ou3KWPCfb&sig=hma5ddolma93j5qbBNPLn-5c49c&redir_esc=y#v=onepage&q&f=false)

2. *Ashcraft, M.H. (1994). Human Memory and Cognition (2nd Edition). New York: Harper Collins Publishers.*

[https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=eK4egLfRgGkC&oi=fn&pg=PA3&dq=Ashcraft,+M.H.+\(1994\).0Human%20Memory%20and%20Cognition%20\(2nd%20Edition\).&f=false](https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=eK4egLfRgGkC&oi=fn&pg=PA3&dq=Ashcraft,+M.H.+(1994).0Human%20Memory%20and%20Cognition%20(2nd%20Edition).&f=false)

3. *Asghar (1996)*. "Introduction to Research in Education". New York :
Harcourt Brace College Publishers.

<https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED369886.pdf#page=25>

4. *Ahmad Shahir M. & Adibah A.W.(2010)*. Pengurusan Zakat di Negeri
Selangor: Isu Dan Cabaran. Prosiding Konvensyen Kebangsaan
Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam, Bangi: Fakulti Pengajian
Islam UKM, 1-32

[https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/34021524/Academia_-_
PENGURUSAN_ZAKAT_DI_NEGERI_SELANGOR_-_
ISU_DAN_CABARAN.pdf?1403573385=&response-content-](https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/34021524/Academia_-_PENGURUSAN_ZAKAT_DI_NEGERI_SELANGOR_-_ISU_DAN_CABARAN.pdf?1403573385=&response-content-)

5. *Byrnes, W. J. (2009)*. Management And The Arts. by Elsevier Inc. All
Right Reserved.

[https://jamanetwork.com/journals/jamainternalmedicine/article-
abstract/226007](https://jamanetwork.com/journals/jamainternalmedicine/article-abstract/226007)

6. Fagarasanu, M and Kumar, S. (2002), Measurement instrument and
Data Collection of Construct and Bias in Ergonomics Research,
INDUSTRIAL ERGONOMICS. 30 (2002). Page 355-369.

[https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=kuCZDwAAQBAJ&oi=f
nd&pg=PA119&dq=Fagarasanu,+M+and+Kumar,+S.+\(2002\),+Measurem
ent+instrument+and+Data+Collection+of+Construct+and+Bias+in+Ergono
mics+](https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=kuCZDwAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA119&dq=Fagarasanu,+M+and+Kumar,+S.+(2002),+Measurement+instrument+and+Data+Collection+of+Construct+and+Bias+in+Ergonomics+)

7. *Greenley, Gordan E. (1989)*. "Strategic Management". U.K. : Prentice
Hall International (UK) Ltd.

[https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/0267257X.1989.9964100?jo
urnalCode=rjmm20](https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/0267257X.1989.9964100?journalCode=rjmm20)

8. Hamid, M. J. (2004). Falsafah dan Kritikan Seni. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/20044/2/PRO_SHALIZA%20DASUKI%20M%2017.pdf

9. Kleaman, L. S. (2000). Human Resouce Management: A managerial Tool for Competitive Avantage. America: South- Western College Publishing.

https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/49711399/Q-as_Vol.17_No.154_Oct-2016_p71-79.pdf?1476874125=&response-content-

10. Mohd, S. A., Azlinda, A., & Jamalludin Sulaiman. (2011). Kelestarian Warisan Negara. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.

[https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=_JGsCAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA1&dq=Mohd,+S.+A.,+Azlinda,+A.,+%26+Jamalludin+Sulaiman.+\(2011\).](https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=_JGsCAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA1&dq=Mohd,+S.+A.,+Azlinda,+A.,+%26+Jamalludin+Sulaiman.+(2011).)

Surat Khabar

1. *Nasurdin, A. M., Osman, I., & Ahmad, Z. A. (2006). Pengantar Pengurusan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.*

Jurnal Artikel Online

1. *Pearce, J. A., & robinson, Jr, R. B. (1989). Management. American: Library of Congress Cataloging-in-Publication Data.*

<http://documents1.worldbank.org/curated/en/804741468045832887/pdf/28989.pdf>

2. *Sopiah, (2008), Perilaku Organisasional, Yogyakarta: C. Andi Offset.*

<http://administrasibisnis.studentjournal.ub.ac.id/index.php/jab/article/view/1723/2103>

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN

CARTA GANTT PROJEK PENYELIDIKAN 1 DAN 2

AKTIVITI	MASA											
	Feb		Mac				April			Mei		
Pemilihan Tajuk Kajian	/											
Penghantaran Proposal			/									
Ulasan Kepustakaan		/	/	/	/							
Pengumpulan Data				/	/							
Kajian Lapangan					/	/	/					
Analisis Data						/	/	/				
Penulisan Laporan Akhir							/	/	/			
Penghantaran Dan Pembentangan Laporan											/	

AKTIVITI	MASA											
	September			Oktober			November			Disember		
Kajian Lapangan	/	/	/	/	/	/						
Pengumpulan Data			/	/	/	/	/	/	/			
Analisa Data							/	/	/			
Penulisan Laporan								/	/			
Penghantaran dan Pembentangan Laporan												/



UNIVERSITI
MALAYSIA

RUJ. KAMI (Our Ref.) :
TARIKH (Date) :

KELANTAN Masjid Kampung Laut
Jalan Kuala Krai Kampung Nilam Puri
16010 Kota Bharu
Kelantan

Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	Muhammad Azhar Bin Fadilah	C17A0124	970501-03-6229	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

SENARAI SOALAN KEPADA INFORMAN

Tajuk kajian : Mengkaji kesenian struktur binaan dan pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri Kelantan.

Persoalaan temu bual bagi ketiga-tiga objektif kajian :

- a) Mengenal pasti kesenian Masjid Kampung Laut di Nilam Puri.
- b) Mengenal pasti pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam menguruskan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri.
- c) Mengenal pasti kaedah pengurusan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dalam melestarikan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri.

Pertanyaan kepada En.Ali Hussaini iaitu Kurator di Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

1. Terangkan sejarah Masjid kg laut nilam puri.
2. Adakah Masjid kg laut mempunyai organisasi tersendiri?
3. Bagaimanakah pihak muzium menjaga kaedah pengurusan masjid kg laut?
4. Dari manakah pihak muzium mendapatkan sumber peruntukan dana bagi menjaga dan melestarikan struktur Masjid kg laut?
5. Bagaimana pembahagian kerja untuk menjaga struktur keaslian Masjid kg laut?
6. Bagaimanakah pihak muzium mempromosikan masjid kg laut kpd masyarkat dalam negara dan luar negara?

7. Adakah banyak masalah berlaku terhadap masjid kg laut dari segi kewangan, penjagaan dan pengurusan?
8. Bagaimanakah cara masyarakat membuat aduan kepada pihak muzium apabila berlaku kerosakan Masjid kg laut?
9. Apakah tujuan dan matlamat pihak berbadanan muzium kelantan terhadap Masjid kg laut?
10. Apakah perancangan masa hadapan pihak muzium terhadap Masjid kg laut?

Pertanyaan kepada En.Saharuddin dan selaku Pensyarah Konservasi UMK

1. Apakah kesenian yang ada pada Masjid Kampung Laut?
2. Apakah kesenian yang ada di seni bina Masjid Kampung Laut?
3. Apakah kesenian yang ada di bumbung Masjid Kampung Laut?
4. Apakah kesenian yang ada di atap Masjid Kampung Laut?
5. Apakah kesenian yang ada di serambi Masjid Kampung Laut?
6. Apakah kesenian yang ada di ruang solat Masjid Kampung Laut?
7. Apakah kesenian yang ada di wakaf orang kaya Masjid Kampung Laut?
8. Apakah kesenian yang ada di loteng Masjid Kampung Laut?
9. Apakah kesenian yang ada di balai lintang Masjid Kampung Laut?
10. Apakah kesenian yang ada di menara Masjid Kampung Laut?
11. Apakah kesenian yang ada di mimbar Masjid Kampung Laut?
12. Apakah kesenian yang ada di geduk Masjid Kampung Laut?